

PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM  
PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN DI TAIPING,  
PERAK

SITI NUR ‘ALIAH BINTI KAMARUL BAHRIN

UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN  
2022  
KELANTAN



**PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM  
PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN DI TAIPING,  
PERAK**

Oleh

SITI NUR 'ALIAH BINTI KAMARUL BAHRIN

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah  
Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

<input type="checkbox"/>	<b>TERBUKA</b>	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input type="checkbox"/>	<b>SEKATAN</b>	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.  Dari tarikh _____ hingga _____
<input type="checkbox"/>	<b>SULIT</b>	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi" 1972)
<input type="checkbox"/>	<b>TERHAD</b>	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

*Nur'Aliah*

Siti Nur 'Aliah Binti Kamarul Bahrin

Nombor Kad Pengenalan:

980730-10-6496

Tarikh: 25/2/2022

Tandatangan Penyelia Utama

DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD.  
Pensyarah  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan

Nama Penyelia Utama:

Tarikh: 27022022

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Menyiapkan satu projek penyelidikan yang mencabar ini telah melibatkan dua semester iaitu semester enam dan semester tujuh. Setinggi penghargaan juga diberikan kepada pensyarah saya merangkap kepada penyelia projek penyelidikan ini iaitu Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal yang telah memberi tunjuk ajar kepada saya dan juga pelajar dibawah penyeliaan beliau dengan baik sekali.

Walaupun, pembelajaran yang dilakukan melalui atas talian, namun hubungan komunikasi yang baik antara pelajar dan pensyarah telah membantu dalam memberikan maklumat, idea dan semangat yang diperlukan dalam menyiapkan kajian ini. Tambahan lagi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi semangat dalam menghasilkan kajian ini, rakan-rakan seperjuangan telah banyak membantu dalam berkongsi idea dan pandangan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	<b>III</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>III</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>VI- VII</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>VII</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>VII</b>
<b>SENARAI GAMBAR</b>	<b>VII</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>VIII</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>VIIIX</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1-4
1.2 Permasalahan Kajian	4-5
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5-6
1.6 Definisi Operasional	6
1.6.1 Komuniti Setempat	6-7

1.6.2 Pemuliharaan	7-8
1.6.3 Tapak Warisan	8-9
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.7.1 Memupuk Kesedaran Penglibatan Komuniti Setempat.	9-10
1.7.2 Jangka Hayat Khazanah Warisan Bertahan Lama.	10-11
1.8 Organisasi Penulisan	11-12
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>13</b>
2.1 Pengenalan	13
2.2 Teori Ekologikal Kelly (1968)	13-15
2.3 Sorotan Kajian Lepas	15-16
2.3.1 Komuniti Setempat	16-22
2.3.2 Pemuliharaan	22-27
2.3.3 Tapak Warisan	27-32
2.4 Kerangka Teoritikal	32-36
2.5 Kesimpulan	37
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>38</b>
3.1 Pengenalan	38
3.2 Proses Pengumpulan Data	39

3.2.1 Data Sekunder	40-43
3.2.2 Sumber Primer	43-45
3.2.3 Kuantitatif	45-47
3.3 Kaedah Analisis Data Kuantitatif	48-50
3.4 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	50-53
3.5 Kesimpulan	53
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	<b>54</b>
4.1 Pengenalan	54
4.2 Analisis Soal Selidik	55
4.2.1 Demografi Responden	55-57
4.2.2 Sejarah Taman Tasik Taiping, Perak	57-62
4.2.3 Potensi Taman Tasik Taiping Perak Sebagai Tapak Warisan Semulajadi Di Malaysia.	62-67
4.2.4 Kepentingan Penglibatan Komuniti Setempat Terhadap Taman Tasik Taiping, Perak.	67-74
4.3 Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di Taiping, Perak	74-76
4.4 Kesimpulan	77
<b>BAB 5 RUMUSAN &amp; PENUTUP</b>	<b>78</b>
5.1 RUMUSAN KAJIAN	78-81

5.2 PENUTUP	81-82
-------------	-------

## **RUJUKAN**

### **LAMPIRAN A**

### **LAMPIRAN B**

#### **SENARAI RAJAH**

Rajah 2.1: Kerangka Teoritikal kajian	36
Rajah 4.1: Kerangka Teoritikal kajian	76

#### **SENARAI JADUAL**

Jadual 3.1: Sumber Dipetik Dari Majlis Perbandaran Taiping (2010)	49
Jadual 4.1: Demografi Responden	55
Jadual 4.2: Pengetahuan mengenai sejarah Taman Tasik Taiping Perak	58
Jadual 4.3: Potensi Taman Tasik Taiping Perak Sebagai Tapak Warisan Semulajadi Di Malaysia	67

Jadual 4.4: Kepentingan Penglibatan Komuniti Setempat Terhadap Taman Tasik **Error! Bookmark not defined.** Taiping, Perak.

#### **SENARAI GAMBAR**

Gambar 4.1: Suasana Hijau Dan Tenang Di Persekutuan Taman Tasik Taiping.	60
Gambar 4.2: Keratan Akhbar Pengiktirafan Taman Tasik Taiping, Perak	61
Gambar 4.3: Pasangan burung jantan dan betina spesies itu mula dikesan membuat sarang di Pokok Jemerlang –Gambar Facebook Jamil Mat Isa	64
Gambar 4.4: Spesis Tumbuh-Tumbuhan Di Sekitar Kawasan Taman Tasik Taiping	65
Gambar 4.5: Pokok Hujan-Hujan Melebihi Usia 130 Tahun.	66
Gambar 4.6: Persekutuan <i>Raintree Walk</i>	67
Gambar 4.7: Aktiviti Gotong Royong	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
Gambar 4.8: Diatas Adalah Contoh Isu Vandalisme Yang Merosakkan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
Gambar 4.9: Poster Aktiviti Gotong Royong Merdeka Di Taman Tasik Taiping	
<b>Error! Bookmark not defined.</b>	

## PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM PEMULIHARAAN TAPAK WARISAN DI TAIPING, PERAK

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan merujuk kepada tiga objektif yang dinyatakan dalam kajian iaitu meneroka sejarah pembentukan Taman Tasik Taiping, Perak, menghuraikan penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan Taman Tasik Taiping, Perak dan menganalisis potensi Taman Tasik Taiping, Perak sebagai salah satu tapak warisan alam semulajadi di Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan ialah kuantitatif iaitu kaedah tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik kaedah kuantitatif ini menggunakan *Google Form* dalam menyebarkan borang soal selidik kepada komuniti setempat. Kajian ini menggunakan Teori Ekologikal Kelly (1968) kerana teori ini berkaitan dengan psikologi komuniti setempat dan bersesuai dengan tajuk kajian yang melibatkan komuniti setempat. Hasil kajian mendapati penerimaan yang positif oleh komuniti setempat, maklum balas dalam menjawab soal selidik yang diberikan amat baik kerana penglibatan komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Kata Kunci: Pemuliharaan, Komuniti Setempat

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **LOCAL COMMUNITY INVOLVEMENT IN HERITAGE SITE CONSERVATION IN TAIPING, PERAK**

### **ABSTRACT**

This study was conducted with reference to the three objectives stated in the study, namely to explore the history of the formation of Taman Tasik Taiping, Perak, describe the involvement of local communities in the conservation of Taman Tasik Taiping, Perak and analyze the potential of Taman Tasik Taiping, Perak as one of the natural heritage sites in Malaysia. The research method used is quantitative, that is, the survey method that uses the questionnaire method, this quantitative method uses Google Form in distributing the questionnaire to the local community. This study uses Kelly's Ecological Theory (1968) because this theory is related to the psychology of the local community and is in line with the title of the study involving the local community. The results of the study found a positive acceptance by the local community, the feedback in answering the questionnaire was very good due to the involvement of the community consisting of various backgrounds.

Keywords: Conservation, Local Community

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai banyak warisan yang bernilai dan dibanggakan oleh rakyat Malaysia. Warisan merupakan tinggalan sejarah yang melambangkan identiti sesebuah negara. Warisan adalah berkaitan dengan sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2021).

Warisan dibahagikan kepada dua kategori iaitu warisan ketara dan tidak ketara. Warisan ketara merupakan warisan yang boleh dilihat secara nyata, statik dan mudah alih boleh disentuh dengan deria rasa manusia. Statik bermaksud tidak boleh dipindahkan, manakala warisan ketara mudah alih seperti tembikar dan barang artifak yang merupakan warisan yang boleh dipindahkan. (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia 2021).

Warisan yang tidak ketara ialah warisan yang tidak dapat disentuh dan dirasai oleh manusia. Hal ini kerana warisan ini merupakan warisan yang berdasarkan kemahiran atau bakat, pemikiran, idea dan ilmu. Warisan tidak ketara ini sekiranya tidak dijaga ia akan mendatangkan kepupusan kerana warisan tidak ketara ini lebihnya dimiliki oleh golongan-golongan berusia kerana hasil pengetahuan yang diperolehi ketika masih muda. Sebagai contoh, seni pertahanan diri masyarakat orang Melayu seperti silat merupakan contoh bagi warisan tidak ketara. Silat kini diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai warisan budaya tidak

ketara kemanusiaan (*intangible cultural heritage in humanity*) milik Negara (Nailah Huda 2019). Berdasarkan pengertian-pengertian ini, maka warisan perlu dipulihara demi kepentingan khususnya pada generasi akan datang.

Howard (2003) menyatakan bahawa warisan merupakan sebuah khazanah negara yang amat bernilai yang haruslah dijaga daripada kerosakan, kecurian, kepupusan dan kemusnahan/ hal imi dapat menjelaskan bahawa setiap khazanah warisan mempunyai nilai dan identiti atau lambang ketamadunan sesuatu warisan budaya yang perlu dijaga agar terhindar dari segala ancaman agar identity dan nilai produk ini dapat bertahan sehingga ke generasi seterusnya.

Selain itu, penglibatan badan-badan berkepentingan juga memainkan peranan yang penting dalam memelihara warisan. Dalam konteks Malaysia, badan-badan kerajaan yang ditubuhkan untuk memastikan warisan di negara terus dipelihara ialah badan Jabatan Warisan Negara (JWN) yang mempunyai misi yang jelas dalam memperkasa dan memulihara khazanah warisan negara. Antara peranan Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) menyatakan telah memberikan kuasa kepada Menteri dalam mengiktiraf warisan yang terdiri daripada tapak warisan, objek, warisan budaya atau apa-apa bentuk yang melambangkan sesuatu Warisan Kebangsaan. Pengiktirafan atau perisytiharan yang dilakukan oleh Menteri ini dapat mengangkat kedudukan sesebuah warisan sebagai salah satu perkara yang sangat bernilai kepada negara. Peruntukan yang termaktub pada Seksyen 67 (1) ini menyatakan tentang kuasa menteri yang dibolehkan mengisyiharkan harta warisan yang bersesuaian dan mempunyai nilai yang dapat memberi manfaat kepada negara (Hanapi Dollah 2013).

Objektif jabatan dalam memelihara khazanah warisan iaitu memperluaskan pemeliharaan dan pemuliharaan ianya dapat mengembangkan pengetahuan sedia ad dan baru melalui penyelidikan arkeologi dan konservasi. Seterusnya, berkongsi pengetahuan

mengenai perkembangan warisan di Malaysia melalui pendidikan, meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang warisan dan dapat menepati piawaian antarbangsa dalam berusaha meningkatkan martabat warisan negara sehingga mendapatkan pengiktirafan dunia (Jabatan Warisan Negara 2021). Oleh itu, melalui pemuliharaan tapak warisan dapat membuktikan pemuliharaan yang dijalankan di negara ini membawa hasil yang baik.

Antara tapak warisan yang telah diiktiraf oleh UNESCO iaitu Taman Negara Mulu dan Taman Negara Kinabalu sebagai tapak warisan dunia kategori alam semula jadi, manakala Bandar Georgetown dan Melaka serta tapak arkeologi Lembah Lenggong sebagai tapak warisan dunia kategori budaya (Zuliskandar Ramli 2015).

Seterusnya, tapak warisan yang dipilih dalam kajian ini terdapat di Negeri Perak, di daerah Taiping yang dikenali sebagai Bandar Warisan. Menurut Portal Rasmi Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang dan Selama (2020) menyatakan bahawa Bandar Taiping merupakan ibu kota bagi daerah Larut, Matang dan Selama. Sebelum 1973, Taiping merupakan ibu negeri Perak. Nama lama Taiping ialah Klian Pauh, Klian bermaksud lombong manakala, Pauh pula ialah sejenis buah mangga bersaiz kecil, manakal nama Taiping bermaksud “Aman” atau “Damai” dalam bahasa Cina. Bandar ini memiliki tapak warisan, iaitu Tapak Warisan Taman Tasik Taiping, Perak.

Tambahan pula, Taman Tasik Taiping merupakan tapak bekas perlombongan bijih timah yang agak besar di kawasan Klian Pauh atau Taiping lebih 130 tahun yang lalu (Portal Rasmi Majlis Perbandaran Taiping 2021). Taman tasik ini mempunyai keunikan dan keindahan, taman ini juga menjadi tumpuan masyarakat tempatan untuk melakukan pelbagai aktiviti sosial. Taman Tasik Taiping ini juga menerima pelbagai anugerah seperti pada 21 Disember 2018, Taiping telah tersenarai dalam 100 destinasi lestari atau hijau terbaik dunia 2018 oleh “*Green Destination Award*”. Sebelum ini Taman Tasik Taiping pernah memenangi pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan termasuklah dinobatkan

sebagai “*Best City & Town Park 2018*”, Destinasi Pelancongan Warisan & Eko Terbaik oleh Malaysia *Tourism Council Gold Award*, *Green Initiative Award* oleh Malaysia *Landscape Architecture Award 2017* dan lain-lain (Portal Rasmi Majlis Perbandaran Taiping 2021). Jelaslah bahawa pengiktirafan yang diterima membuka peluang yang lebih cerah dalam mendapat pengiktirafan tapak warisan diperingkat negara dan luar negara.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Tumpuan utama komuniti setempat ialah Taman Tasik Taiping, Perak. Faktor penarik Taman Tasik ini ialah keindahanya yang dikelilingi kawasan yang menghijau. Taman Tasik Taiping ini dibangunkan mengikut konsep mengadaptasi kawasan hijau dan lapang berkontur dan pokok-pokok pelbagai elemen utama serta tasik sebagai pelengkap lanskapnya (Suhaila Megat 2020). Taman tasik beroperasi dan dibuka kepada awam sejak 1880, Taman Tasik Taiping bukan sahaja menyajikan ketenangan bahkan ia turut menempatkan tarikan lain termasuk Bukit Larut, Zoo Taiping dan *Night Safari Taiping* (Harian Metro 2019).

Namun begitu, pemandangan yang indah di Taman Tasik dicemari oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, ia dikaitkan dengan isu vandalism. Definisi vandalism adalah membuat sebarang perubahan seperti melukis, menanda, mengecat, menampal, merosakkan atau mengotorkan harta benda awam tanpa kebenaran pihak berkuasa (Portal Rasmi Majlis Perbandaran Manjung 2016).

Menurut Laman Rasmi Majlis Perbandaran Taiping (2018) menyatakan perbuatan vandalism atau merosakkan harta benda awam di Taman Tasik Taiping kerap berlaku dan sukar dibendung. Antara isu vandalism yang ketara ialah menconteng papan tanda yang terdapat di Taman Tasik Taiping, menunggang motosikal di kawasan *Raintree Walk* yang dikhoduskan untuk berjalan kaki, kawasan Taman Tasik Taiping ini dikotori dengan

sampah dan sisa makanan yang ditinggalkan oleh pengunjung. Oleh itu, kajian ini meneroka sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan tapak warisan yang terdapat di Taman Tasik Taiping supaya terus dipelihara dan dijaga pada masa akan datang.

### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan kajian ini ialah:

- i. Apakah faktor pembentukan Taman Tasik Taiping, Perak ?
- ii. Bagaimanakah keadaan terkini Taman Tasik Taiping, Perak sebagai tapak warisan di Malaysia ?
- iii. Sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan Taman Tasik Taiping, Perak ?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam memastikan penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan tapak warisan seperti berikut.

- i. Meneroka sejarah pembentukan Taman Tasik Taiping, Perak.
- ii. Menghuraikan penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan Taman Tasik Taiping, Perak.
- iii. Menganalisi potensi Taman Tasik Taiping, Perak sebagai salah satu tapak warisan alam semulajadi di Malaysia.

### **1.5 SKOP KAJIAN**

Fokus kajian ini berkenaan dengan penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan Tapak Warisan di Taiping, Perak. Komuniti adalah masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut. Menurut Harian Metro (2019) menyatakan Taman Tasik Taiping memiliki keluasan 64 hektar bersamaan 160 ekar, taman indah ini sentiasa menjadi tarikan yang

utama. Skop kajian ini tertumpu di kawasan Tapak Warisan di Taiping, Perak. Tambahan pula, tapak warisan ini merupakan tumpuan utama komuniti setempat untuk beriadah.

Seterusnya, komuniti di kawasan Taiping dipilih sebagai responden untuk membantu pengkaji dalam memperolehi maklumat melalui kaedah borang soal selidik yang diberi secara rawak kepada komuniti setempat di Taiping, Perak. Responden ini terdiri daripada golongan pelajar, orang awam dan pihak yang berkepentingan kepada tapak warisan tersebut.

## **1.6 DEFINISI OPERASIONAL**

Definisi operasional ini mengkaji tentang maksud dan istilah yang tersirat dalam kata kunci utama yang digunakan dalam tajuk. Definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini adalah perkataan komuniti setempat, pemuliharaan dan tapak warisan.

### **1.6.1 KOMUNITI SETEMPAT**

Tosun (2006) menyatakan bahawa konsepsi penglibatan komuniti merupakan satu bentuk yang sukarela terhadap seorang individu yang memikul tanggungjawab kemasyarakatan dan mengambil peluang dalam hidup berkomuniti (Rusazman Hussin 2020). Komuniti dalam Sains Sosial ialah satu kumpulan atau orang ramai yang berkongsi kepercayaan dan adat yang sama dan mungkin hidup di kawasan yang sama (Ensiklopedia Dewan Bahasa Dan Pustaka 2017). Max Weber (1978) melihat konsep komuniti sebagai sifat yang ada pada “*Communal*” iaitu merupakan sifat-sifat yang asas mewujudkan perhubungan antara manusia, manakala Karl Max (1973) pula melihat komuniti melalui kelas sosial dalam masyarakat yang disebabkan oleh perkembangan dalam ekonomi (Mansor Mohd Nor 2017). Jelaslah bahawa komuniti ini merujuk kepada masyarakat atau kehidupan manusia yang tinggal di suatu kawasan.

Azreena AK, Mohd Parid M dan Lim HF (2018) menyatakan maksud komuniti merupakan sekumpulan manusia atau masyarakat yang duduk dikawasan yang sama serta mempunyai nilai bangsa, budaya, kelas atau taraf sosial yang sama. Tambahan lagi, sebuah komuniti ini merupakan penempatan yang berhampiran dengan sekitar kawasan yang mempunyai nilai sejarah atau kawasan Tapak Warisan Dunia (TWD) yang berperanan sangat penting dalam mengekalkan pemuliharaan dan pengjagaan tapak warisan yang melibatkan komuniti.

Menurut ahli sosiologi, komuniti merupakan satu unit organisasi sosial yang dalamnya terdapat manusia dengan kawasan dan unit kediamanya, melakukan pekerjaan sebahagian besar aktiviti kehidupan mereka. Sesetengah pengkaji menekankan tiga elemen penting yang mesti wujud bagi komuniti iaitu kawasan geografi atau lokaliti, interaksi sosial dan hubungan komuniti. Penglibatan komuniti juga memastikan bahawa keperluan dan inspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan dan hasilnya ialah ahli komuniti itu akan mendapat didikan dan seterusnya diperkasakan (Andreas Pingking dan Rosazman Hussin 2020).

Setempat yang dinyatakan ini ialah kawasan bagi Taiping yang merupakan Tapak Warisan. Penduduk setempat adalah komponen penting dalam sesebuah program pembangunan. Mereka adalah golongan yang paling terkesan oleh program tersebut. Pandangan mereka boleh dijadikan kayu ukur untuk melihat sejauh mana keberkesanan sesuatu program pembangunan (Abd. Rahim Md. Nor1. 2012). Jelaslah bahawa penglibataan komuniti setempat sangat penting dalam mewujudkan identiti kawasan.

### **1.6.2 PEMULIHARAAN**

Pemuliharaan merupakan satu kerja yang menjaga warisan-warisan yang wujud supaya ia dapat bertahan lebih lama. Pemuliharaan melibatkan kerja-kerja yang

cuba mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak tanah warisan seperti mana yang asal dan usaha ini merupakan satu proses untuk memanjangkan hayat bangunan supaya ia boleh terus kekal untuk generasi yang akan datang. Konsep pemuliharaan warisan ialah “Keaslian dalam Pemuliharaan Warisan” (*authenticity in heritage conservation*). Keaslian boleh dianggap sebagai satu aspek estetik manakala proses untuk mengembalikannya adalah perkara etika (Jabatan Warisan Negara 2012). Oleh itu, sektor pemuliharaan warisan ini mempunyai kepentingan yang sangat penting bagi memastikan warisan sejarah di negara dapat dikekalkan.

Suhana Johar (2012) menyatakan dalam kajiannya menurut kamus Cambridge (2008) pemuliharaan dimaksudkan sebagai perlindungan tumbuh-tumbuhan dan haiwan, kawasan semula jadi, bangunan atau struktur yang mempunyai kepentingan dari mengalami kerosakan akibat aktiviti-aktiviti manusia. Definisi yang diberikan oleh kamus Merriam Webster (2008) pula menyatakannya sebagai pengawetan dan perlindungan secara berhati-hati terhadap sesuatu, perancangan penyelenggaraan terhadap sumber asli untuk mengelakkan eksloitasi, kemusnahan dan pengabaian. Pemuliharaan dilihat sebagai segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya.

### **1.6.3 TAPAK WARISAN**

Tapak warisan merujuk kepada warisan ketara hal ini kerana ia boleh dilihat dan disentuh. Dalam hasil kerja manusia atau alam semulajadi atau kombinasi keduanya termasuk tapak arkeologi yang menggambarkan nilai tinggi sejarah, estetika, etnologi atau antropologi. Termasuklah mana-mana kawasan, tempat, zon, warisan semulajadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, rezab arkeologi dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman, pokok atau rizab arkeologi (Jabatan Warisan Negara 2012). Maksud warisan yang dinyatakan dalam Akta Harta Benda

Purba (1976) ialah apa jua tinggalan turun temurun sama ada ia buatan atau semula jadi yang alih atau tidak alih dan yang nampak atau tidak nampak. Warisan ini dimaksud apa jua hasil yang perbuatan terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian alat kehidupan mereka dalam meneruskan kehidupan (Yuszaidy Mohd Yusof, 2011).

Samsudin (2013) menjelaskan bahawa setiap produk warisan berunsurkan tapak iaitu bangunan atau monumen adalah mudah untuk dikekalkan dan dibina pada zaman dahulu oleh kelompok manusia secara turun-temurun berdasarkan pemikiran manusia untuk membangunkan ketamadunan sesuatu kaum yang meliputi corak budaya masyarakat, tradisi, adat, kepercayaan dan tingkah laku.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan kajian ini merujuk kepada mengapa kajian perlu dilakukan dan sumbangannya terhadap beberapa perkara sepertiuraian berikut:

### **1.7.1 Memupuk kesedaran penglibatan komuniti setempat.**

Komuniti setempat ini melibatkan pelbagai kaum yang tinggal di kawasan tersebut, kaum yang dapat dilihat dalam komuniti setempat ialah Cina, Melayu, India dan kaum-kaum yang lain. Kepentingan komuniti ini ialah penting dalam memastikan usaha yang dirancang dalam memulihara warisan dapat dilaksanakan. Hal ini kerana, kerjasama yang baik dalam kalangan mereka dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan bersatu padu yang merangkumi pelbagai kaum di kawasan komuniti. Pembangunan komuniti dapat dicapai dengan melibatkan penduduk setempat dalam aspek perancangan, perlaksanaan dan penilaian projek atau program pembangunan (Kwok Chin Hoe, Asnarulkhadi Abu Samah 2015). Oleh itu, penglibatan masyarakat amat penting dalam memupuk kesedaran dan

tanggungjawab agar matlamat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah warisan dapat dijaga.

Isu-isu warisan yang dibangkitkan ini seterusnya membawa kesedaran kepada masyarakat dalam pelbagai pihak akan pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara. Kesedaran terhadap kepentingan untuk memulihara warisan tidak kira sama ada warisan ketara atau tidak ketara ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat dan bukannya dibebankan ke atas pihak kerajaan semata-mata. Oleh yang demikian, dengan adanya kesedaran daripada pelbagai pihak, maka akan terhasilah pelbagai pendapat, idea serta cadangan tentang pemeliharaan warisan negara. Hal ini dapat memupuk semangat cintakan negara dalam diri masyarakat serta membangkitkan kesedaran rakyat Malaysia dalam melindungi warisan-warisan negara agar sejarah dan budaya negara Malaysia dapat dikekalkan (Natasha Edreena Mohamad Nasruddin dan Zuliskandar Ramli 2020)

### **1.7.2 Jangka hayat khazanah warisan bertahan lama.**

Pemuliharaan semula terhadap Tapak Warisan di Taman Tasik Taiping ini dikelilingi dengan pokok-pokok yang besar. Tanaman itu menjadi identiti bagi Taiping kerana keunikan yang terdapat di kawasan tersebut. Ia adalah ikon utama bandar warisan Taiping dan usaha pemeliharaan pokok ini agar sentiasa sihat tidak pernah diabaikan pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT), MPT komited melaksanakan usaha pemeliharaan dan konservasi pokok hujan-hujan terutama di kawasan Taman Tasik Taiping yang berusia 130 tahun (Sinar Harian Negeri Perak 2017).

Pemuliharaan ini dilakukan untuk memastikan pokok tersebut tidak memberi bahaya kepada pengunjung dan dapat bertahan lebih lama pada masa akan datang. Pada tahun 2020, Majlis Perbandaran Taiping telah mengeluarkan kertas cadangan berkaitan kerja-kerja Pemeliharaan dan Pemuliharaan Pokok-Pokok Warisan di Taman Tasik Taiping (Majlis Perbandaran Taiping 2020).

## **1.8 ORGANISASI PENULISAN**

Penulisan kajian ini terbahagi kepada lima bab yang perlu dilakukan. Hal ini supaya memastikan setiap bab dapat diuraikan dengan baik dalam mengumpulkan maklumat. Bab yang pertama ini merupakan pengenalan kepada kajian yang dilakukan seperti menyatakan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan sebagainya ia merupakan pembukaan bagi kajian ini.

Bab yang kedua merupakan sorotan kajian lepas ianya melibatkan bahan bacaan yang terdiri dari sumber-sumber yang sah seperti jurnal, artikel, keratan artikel dan bahan bacaan yang diperolehi dari perpustakaan atau secara atas talian. Sorotan kajian lepas ini penting dalam mengembangkan lagi idea dalam penyelidikan dan mengukuhkan lagi kajian.

Bab ketiga merupakan bab yang menyatakan metodologi kajian. Metodologi kajian ini akan menghuraikan lebih mendalam tentang pengumpulan maklumat yang berkesan. Penggunaan kaedah kualitatif atau kuantitatif akan digunakan untuk memastikan kajian ini dapat dilakukan dengan baik. Penggunaan teknik pengumpulan data yang baik akan dapat menghasilkan kajian yang berkualiti.

Bab keempat merupakan dapatan kajian, iaitu mendapatkan maklumat daripada responden melalui borang soal selidik. Dapatan kajian ini merupakan perkara yang penting

dalam menyatakan maklumat yang diberikan supaya dapat dikaji dengan lebih mendalam pandangan dan penglibatan responden.

Akhir sekali, merupakan bab yang kelima yang harus dilakukan supaya ia menjadi kajian yang lengkap. Bab lima ini merupakan bab yang memperlihatkan perbincangan, cadangan dan rumusan yang telah dikaji oleh pengkaji. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian yang menarik kerana mendapat penambahan ilmu dan juga mempelajari tentang penglibatan komuniti terhadap pemuliharaan warisan.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 PENGENALAN

Amran Mat Ariffien (2021) menyatakan tinjauan literatur adalah pilihan dokumentasi yang ada, baik yang telah diterbitkan ataupun tidak diterbitkan mengenai suatu topik, yang mengandungi maklumat, idea, data dan bukti yang ditulis dari sudut pandangan tertentu. Tinjauan literatur dapat memberikan idea dan hala tuju mengenai penyelidikan yang akan dilakukan. Ianya ditulis mengikut susunan subtopik tertentu mengikut pembolehubah kajian.

Antara kepentingan tinjauan literatur ialah mengenalpasti pembolehubah-pembolehubah yang boleh membantu seseorang penyelidik mendapat idea yang jelas tentang pembolehubah-pembolehubah yang penting dalam sesuatu persoalan yang ingin dikaji (Ahmad Nazreen dan Nur Alyaa 2014).

Maka, bab ini membincangkan tentang kajian literatur yang melibatkan bahan-bahan ilmiah dari pengkaji dahulu yang melibatkan sorotan kajian lepas yang diambil dari artikel, buku, jurnal dan laman sesawang yang rasmi. Bab ini juga membincangkan tentang penggunaan teori yang digunakan kajian ini iaitu Teori ekologikal Kelly 1968, sorotan kajian lepas dan kerangka teoritikal yang akan digunakan bersesuai dengan pemilihan tajuk yang diberikan.

#### 2.2 TEORI EKOLOGIKAL KELLY (1968)

Teori ini diasaskan oleh James Gordon Kelly yang dilahirkan pada tahun 1929 dan menghembuskan nafas terakhir pada 2020. Beliau dan isterinya berpindah ke Mirabella, Seattle pada tahun 2009. Pemindahan ini menyebabkan beliau terlibat dalam komuniti

tempatan dan terhasilah teori yang dikemukana oleh beliau. Beliau merupakan tokoh yang penting dalam penciptaan teori yang melibatkan komuniti.

Penglibatannya dalam komuniti seperti yang diuraikan dalam artikel The Seattle Times (2020)

*“He was very active at Mirabella Seattle both within the Mirabella Community and in Seattle. Jim grew up in Cincinnati and graduated with honors from the University of Cincinnati in 1953. He received his PhD in Clinical Psychology in 1958 from the University of Texas in Austin. He spent 2 years in a post doctoral fellowship at Mass General Hospital under Erich Lindemann, PhD/MD, after which he completed a Master's Degree in Public Health at the Harvard School of Public Health”.*

Beliau mengambil masa selama 50 tahun dalam menghasilkan teori komuniti ini supaya mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan. Penglibatan beliau bermula di kawasan tinggal beliau dan keluarga dari situ tercipta teori berkaitan komuniti untuk melihat psikologi yang diterima terhadap komuniti yang dipengaruhi oleh persekitaran. Oleh itu, perkembangan teori yang dilakukan oleh beliau banyak digunakan oleh pengkaji lain untuk mengaitkan kajian yang melibatkan komuniti setempat ini. Beliau pernah menerima beberapa anugerah kerana merupakan penyumbang dalam ilmu Psikologi Komuniti dan menghasilkan beberapa buah buku dan artikel berkaitan komuniti. Beliau juga pernah menjadi Presiden yang pertama dalam Persatuan Bahagian Psikologi Komuniti (*The Seattle Times* 2020).

Teori Ekologikal Kelly (1968) ini memberi fokus terhadap seseorang manusia itu menjadi orang yang berkesan dan menerima perbezaan persekitaran sosial. Kelly mencadangkan empat prinsip yang berkaitan prinsip ekologikal yang berfungsi sebagai teori untuk memeriksa tingkah laku manusia iaitu saling bergantung “*interdependence*”,

kitaran semula sumber “*cycling of Resources*”, penyesuaian “*adaptation*” dan kejayaan “*succession*” (Leonard A Jason et al., 2016). Antara definisi yang diperolehi tentang Teori Ekologikal Kelly 1968 ini tentang empat prinsip teori berkaitan komuniti.

Tiffeny R. Jimenez (2021) mendefinisikan bahawa empat prinsip Teori Ekologikal Kelly (1968), pertama definisi untuk saling bergantung didalam semua peringkat saling berkaitan ia dapat mengubah satu aspek persekitaran untuk membawa banyak kesan perubahan. Definisi kitaran semula sumber adalah proses sistematik penggunaan dan pengembangan bahan dan sumber yang mempengaruhi pertumbuhan dan pembangunan masyarakat. Definisi penyesuaian berfokus pada interaksi antara manusia dan persekitarannya untuk memahami dengan lebih baik mengapa tingkah laku yang berkesan dalam satu keadaan mungkin tidak berguna dalam keadaan lain. Definisi kejayaan ialah merujuk kepada hakikat bahawa masyarakat adalah proses perubahan yang berterusan, dan proses ini menyebabkan perubahan keperluan untuk penyesuaian, ianya melihatkan kejayaan komuniti setempat itu dicapai kerana menerima situasi persekitaran komuniti.

Teori yang dikemukakan berkait rapat dengan komuniti kerana persekitaran yang berbeza disebabkan pengaruh daripada komuniti. Jelaslah bahawa penggunaan Teori Ekologikal Kelly (1968) ini bersesuai dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Komuniti ini merupakan kehidupan yang berkait antara satu sama lain dalam menjalankan kehidupan seharian. Oleh itu, teori berkaitan Psikologi Komuniti ini diteruskan oleh ahli-ahli teori dalam menilai komuniti.

### **2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Sorotan kajian lepas atau *literature review* penting dalam sesuatu kajian sejarah. Tujuan *literature review* adalah untuk meninjau sejauhmana bidang kajian kita telah ditulis oleh

pengkaji lain. *Literature review* merupakan maklumat yang dapat memberi gambaran kepada latar belakang kajian kita (Hasanah Taib 2020).

Oleh itu, pemilihan sorotan kajian lepas mestilah mempunyai persamaan dalam kajian ini kerana dapat mengkaji tentang kajian yang baru dan juga tidak berlaku persamaan dalam mana-mana kajian yang dilakukan oleh pengkaji dahulu, ia juga membantu pengkaji tentang mengetahui objektif dan kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian terdahulu.

Dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji Idris Awang (2006) menyatakan Fink (1998) menegaskan bahawa sorotan kajian lepas adalah suatu penelitian yang sistematik dan jelas untuk mengenali, menilai dan mentafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, cerdik pandai dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji.

Penelitian ini perlu dicatat dengan sistematik dan boleh dirujuk dengan mudah apabila diperlukan kemudian. Oleh itu, sorotan kajian lepas dalam bab dua ini memperlihatkan pelbagai kajian yang berkaitan yang dilakukan oleh pengkaji untuk menilai kesamaan dan permasalahan yang terdapat dalam kajian lepas untuk dijadikan panduan dalam kajian ini

### **2.3.1 KOMUNITI SETEMPAT**

Nor Ashikin Mohd. Nor dan Kalsom Kayat (2006) mengenai “Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah”. Kajian ini menerangkan terdapat dua perspektif yang disebutkan melibatkan komuniti dalam pelaksanaan projek pembangunan yang penting yang melibatkan pelancong dan pendekatan pembangunan yang lestari di kawasan sekitar. Usaha pembangunan tersebut, memastikan komuniti akan

memberikan inspirasi kepada komuniti sekitar dalam mendapatkan peluang pekerjaan, meningkatkan pemahaman mereka berkenaan dengan projek yang akan dijalankan dan meningkatkan tentang faedah pelancongan pada komuniti sekitar yang dapat memberi peluang kepada mereka untuk mengawal pembangunan dan sumber tempatan. Tambahan pula, objektifnya juga supaya dapat mengetahui penglibatan komuniti di *homestay* di Kampung Relau dan Kampung Raga. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah secara berpandukan pendekatan kualitatif dan dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa kajian memperlihatkan wujudnya beberapa bentuk penglibatan di kalangan ahli komuniti di dalam Program *Homestay* Kampung Relau dan juga kaedah temubual. Tambahan pula, teknik *snowball* juga digunakan untuk memperolehi segala maklumat yang diperlukan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian ini bentuk penglibatan komuniti dalam menjayakan program *homestay*, program yang dijalankan ini dapat memperkasakan komuniti tempatan dari aspek penambahan pendapatan dan juga membangunkan keyakinan ahli-ahli komuniti dalam meningkatkan pengetahuan mereka mengenai pengurusan *homestay* dengan lebih giat. Oleh itu program yang dijalankan dalam kajian ini membuka mata pihak komuniti dalam meningkatkan lagi penglibatan mereka pada masa akan datang.

Kajian yang telah dilakukan oleh Andreas Pingking dan Rosazman Hussin (2020) menerangkan pendekatan konservasi berasaskan komuniti atau (*Community-Based Conservation Approach-CBCA*) dirancang dengan pandangan bahawa komuniti setempat memainkan peranan yang penting untuk menentukan keberhasilan usaha konservasi. Konservasi berasaskan komuniti ini telah mendapat perhatian lebih daripada pihak berkepentingan ia berpotensi untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam inisiatif pemuliharaan. Kaedah metodologi yang

digunakan dalam mengumpul maklumat berkaitan komuniti ini ialah melalui kaedah kualitatif, kaedah temubual dijalankan keatas enam orang wakil yang terdiri daripada ketua kampung, dua orang ahli komuniti, dua orang pekerja dan seorang individu. Tambahan pula, kaedah pemerhatian turut dilakukan untuk mengenalpasti aktiviti yang telah mendapat sokongan pihak komuniti dalam usaha penubuhan kawasan konservasi ICCA. Hasil dapatan kajian ini dapat disimpulkan penglibatan ahli komuniti ini sebagai ahli yang terlibat dalam konservasi kerana mereka merupakan penduduk asal dikawasan tersebut. Penubuhan ICCA ini memberi kesan yang positif terhadap komuniti setempat melalui sektor pekerjaan kerana kewujudan penumbuhan *homestay* yang melibatkan komuniti. Oleh itu, hasil dari kajian ini menunjukkan kesan terhadap penumbuhan ICCA telah memberi kesan yang positif dan negatif kepada penduduk setempat. Kesan positif dapat melihat penglibatan komuniti terhadap kawasan pemuliharaan di kawasan tersebut dan perubahan sosio-ekonomi tempatan.

Menambahkan lagi kajian berkenaan komuniti setempat pengkaji Yahaya Ibrahim (2007) dalam kajian beliau yang bertajuk “Komuniti Pulau Dalam Era Pembangunan: Terpinggir atau Meminggir?”. Kajian ini mempunyai objektif yang jelas dalam kajian dalam konteks pembangunan pelancongan di pulau-pulau kecil, pembangunan sektor pelancongan akan mewujudkan satu bentuk pengeluaran sumber yang terdapat dalam kalangan anggota komuniti tempatan dan juga kemasukan para pelancong yang melahirkan pelbagai jenis ekonomi di pulau iaitu tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan yang diharapkan membawa perubahan positif, kadang-kadang memberikan implikasi yang sebaliknya akibat ketidak tepatan perancangan ataupun kurangnya persediaan komuniti tempatan dalam proses mengadaptasi kepada perubahan yang terhasil daripada proses

pembangunan. Keadaan sedemikian juga boleh menyebabkan berlakunya protes atau rasa tidak puas hati dalam kalangan kelompok tertentu, terutama mereka yang merasakan diri mereka mundur dan terpinggir. Pengumpulan maklumat yang dilakukan dalam kajian ini melibatkan tiga pulau yang berbeza iaitu Pulau Redang, Pulau Perhentian dan Pulau Tioman. Kajian ini dilakukan untuk melihat perbandingan ekonomi kawasan tersebut dari sektor pembangunan pelancongan dan juga penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti sehari masyarakat di kawasan tersebut. Hasil dapatan kajian ini dapat dirumuskan bahawa komuniti di pulau ini ada yang melakukan aktiviti yang sama untuk meningkatkan sosio-ekonomi mereka. Penglibatan komuniti dalam sektor pelancongan ini dapat dilihat komuniti yang terpinggir disebabkan kekurangan penglibatan mereka ke dalam industri di pulau-pulau. Oleh itu, pemberitahuan maklumat yang lengkap dan awal mampu mengubah gaya hidup masyarakat komuniti supaya lebih berdaya saing pada masa akan datang.

Kajian berkaitan dimantapkan lagi oleh Abdul Rashid Bin Abdul Razzaq (2014) dengan kajian yang bertajuk “Pengupayaan Komuniti Dan Kelestarian Pembangunan Pelancongan Di Miso Walai *Homestay* Kinabatangan, Sabah”. Kajian dilakukan oleh beliau berkenaan komuniti ini berpendapat pengetahuan pelancongan yang dimiliki oleh ahli komuniti membolehkan mereka meramal serta merebut peluang-peluang yang wujud daripada pembangunan pelancongan. Isu keterbatasan pengetahuan dalam kalangan komuniti luar bandar merupakan sesuatu yang biasa kerana mereka tidak mempunyai banyak peluang untuk mengakses pendidikan formal berbanding mereka yang tinggal di kawasan bandar. Dapatan hasil yang diperolehi dalam kajian ini ialah berkenaan penglibatan dan pelancongan

berkaitan komuniti dan kaedah metodologi yang digunakan adalah berbentuk kulitatif.

Kajian berkenaan komuniti dikembangkan lagi oleh kajian yang dilakukan oleh Rohayu Roddin et al., (2019) "Pemeliharaan dan Pemuliharaan Budaya Komuniti Orang Asli Melalui Pelancongan Lestari". Objektif kajian ini bertujuan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan budaya bagi masyarakat asli ia dapat dikaitkan dengan kelestarian pelancongan yang merupakan satu pendekatan dalam menjaga warisan. Komuniti orang asli dalam kajian ini melibatkan komuniti peribumi yang terdapat di Malaysia. Komuniti orang asli ini merupakan masyarakat yang terawal mendiami tanah Melayu ini, oleh itu mereka mempunyai pelbagai nilai warisan yang dimiliki. Nilai warisan yang dimiliki oleh mereka dapat melihat keunikan dan keaslian perbezaan komuniti orang asli. Hasil dapatan dari kajian ini ialah pemeliharaan dan pemuliharaan budaya komuniti Orang Asli Jahai. Ia merupakan suku kaum yang terdapat di negeri Perak. Hasil yang diterima ialah budaya dan warisan akan dapat terus dipelihara sekiranya berlakunya aktiviti pelancongan dikawasan tersebut dan komuniti ini dapat mengatasi masalah kepupusan. Hal ini kerana pendedahan mereka terhadap negara luar akan menarik ramai pelancong untuk mempelajari pelbagai budaya yang diamalkan oleh mereka dan juga dapat mempelajari cara hidup mereka yang dilakukan dalam komuniti Orang Asli ini. Oleh itu, kelestarian pelancongan komuniti orang asli ini dapat meningkatkan pendapatan mereka supaya mengalakkan mereka melibatkan diri dalam sektor pelancongan warisan budaya.

Solihah Mustafa et al., (2015) dengan kajian "Pengurusan Bandar Warisan UNESCO dan Penglibatan Komuniti Tempatan: Kajian Kes di George Town, Pulau Pinang". Antara kaedah metodologi yang dilakukan ialah berkaitan penglibatan

komuniti di tapak warisan dunia ini ialah pengutipan maklumat melibatkan kaedah temubual yang dilakukan pengkaji ianya melibatkan seramai 27 orang responden yang merupakan komuniti bagi kawasan tersebut. Hasil dapatan kajian ini dapat menganalisi bentuk penglibatan komuniti seperti dalam bentuk ketara dan juga tidak ketara. Komuniti yang di temubual itu mempunyai peranan masing-masing dalam pengurusan warisan yang dijalankan oleh pihak tempatan. Analisis jenis penglibatan komuniti melalui maklumat yang diterima oleh responden ini melihat penglibatan mereka secara langsung dan tidak langsung melalui pertubuhan dan persatuan yang wujud dikawasan tersebut. Tahap penglibatan komuniti yang diterima masih baik, akan tetapi memerlukan penambahbaikan melalui program-program yang melibatkan komuniti terhadap pemuliharaan warisan. Oleh itu, pencapaian matlamat bagi sesebuah program dapat dijayakan dengan berkesan pada masa akan datang.

Azreen AK, Mohd Parid M dan Lim HF (2018) meneruskan kajian berkaitan komuniti dengan tajuk “Tahap Penglibatan Komuniti Kejiran FRIM Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO”. Kajian ini melibatkan komuniti dalam program tapak warisan FRIM, FRIM ini bermaksud Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia yang terletak bersebelahan dengan Hutan Simpan Lagong di Kepong, Selangor. Objektif kajian ini dilakukan untuk melihat penglibatan dan kerjasama komuniti dalam mencapai matlamat pemuliharaan tapak warisan. Metodologi kajian ini melibatkan 600 responden yang terdiri daripada wakil isi rumah yang dipilih secara rawak melibatkan komuniti tempatan untuk menjawab soal selidik yang diberikan oleh pengkaji. Hasil dapatan kajian ini dapat melihat ciri demografi responden, tahap penglibatan komuniti dan juga indeks penglibatan mereka yang terdiri daripada empat peringkat penglibatan iaitu perancangan, pelaksanaan,

pemantauan dan perkongsian faedah. Oleh itu, kajian ini keseluruhannya melibatkan komuniti dalam mengenalpasti penglibatan dan kepentingan mereka terhadap pemuliharaan tapak warisan yang dibangunkan.

Norliyana Adnan dan Mohd Parid Mamat (2018) “Impak dan Persepsi Ekopelancongan Terhadap Komuniti Setempat di Lumut, Perak”. Lumut merupakan satu kawasan destinasi pelancongan dan ekosistem yang menarik. Objektif kajian ini adalah untuk menilai impak ekopelancongan terhadap komuniti setempat dan persepsi komuniti terhadap ekopelancongan di persekitaran pantai Lumut di Perak ini. Kaedah borang soal selidik telah dijalankan yang melibatkan komuniti tempatan. Hasil daripada kajian ini mendapat impak yang positif yang diterima komuniti setempat dalam pembangunan ekopelancongan di sekitar Lumut. Kajian ini juga melihat kepentingan komuniti dapat memberi kesan yang baik terhadap segala usaha yang dilakukan kerana komuniti merupakan kompenan yang penting dalam pembentukan sesuatu matlamat.

### **2.3.2 PEMULIHARAAN**

Satu kajian telah dijalankan oleh Mohd Shafeea Leman (2010) berkenaan pemuliharaan yang bertajuk “Pemuliharaan Geowarisan di Langkawi Geopark di Malaysia”. Objektif kajian ini bertujuan pemuliharaan sumber Geowarisan di Langkawi Geopark. Kawasan ini adalah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang dibantu oleh para penyelidik bagi menangani isu berkaitan tampungan sesuatu geotapak serta usaha bersepadan pelbagai pihak berkepentingan bagi menangani isu tentang penjagaan alam sekitar. Hasil dapatan dalam kajian ini ialah tempat Geowarisan yang terdapat di Langkawi Geopark ialah Taman Georimba. Taman ini merupakan tapak yang pertama dalam konsep pemuliharaan yang diperkenalkan di Langkawi pada tahun 2004. Seterusnya, hasil

dapatkan kajian ini juga menerangkan tentang monument geologi. Monument geologi ini mempunyai nilai landskap yang indah yang dipulihara untuk menjaga nilai dan estetiknya, tambahan pula ianya dikawal selia di bawah Hutan Simpan Terpelihara. Geowarisan ini bertujuan pendidikan dan penyelidikan, kajian ini dilakukan untuk melihat langkah pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak-pihak kepentingan dalam pemuliharaan kawasan Geowarisan di Langkawi.

Kajian pemuliharaan di Geopark Langkawi diteruskan oleh Abdul Latiff Mohammad dan Norhayati (2010) dalam kajian mereka yang bertajuk “Pemuliharaan dan Kepelbagai Biologi untuk Pembangunan Ekopelancongan di Langkawi Geopark”. Dalam kajian ini mempunyai objektif dalam pemuliharaan iaitu pemuliharaan sumber alam tabii di Langkawi. Ia merupakan sumber kekayaan dari sumber alam seperti geologi, landskap, flora dan fauna, tapak arkeologi, sejarah dan sumber budaya. Pemuliharaan di kawasan Geopark di Langkawi dilakukan bertujuan untuk pembangunan pelancongan. Selain itu, pemuliharaan juga dilakukan sebagai penarik bagi mereka yang berminat untuk mempelajari tentang alam semula jadi iaitu flora dan fauna. Pemuliharaan ini mengekalkan nilai estetik alam semula jadi untuk rekreasi yang menjadi pasaran ekopelancongan.

Seterusnya, kajian berkenaan pemuliharaan di Langkawi ini dimantapkan lagi oleh Norzaini Azman et al., (2010) bertajuk “Pendidikan Awam untuk Pemuliharaan Warisan: Kes Kajian Langkawi Geopark”. Objektif kajian ini berkenaan pemuliharaan ia melibatkan pendidikan awam untuk mengenalpasti tahap kefahaman, maksud konsep geopark dan pemuliharaan warisan. Hal ini, bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah pendidikan awam ini dapat memberi kesedaran kepada pihak-pihak berkenaan. Antara pihak yang berkepentingan yang

terlibat dalam pemuliharaan ini ialah agensi pegusaha hotel, pelajar, guru dan komuniti. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kesedaran dan pemahaman kepada pihak berkepentingan terhadap konsep geopark, pemuliharaan warisan dan kepentingan Langkawi Geopark ini. Pemuliharaan yang inovatif dapat mewujudkan penglibatan awam dalam meningkatkan pengetahuan dalam mengekalkan nilai warisan, ia juga memberi faedah terhadap masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan di Langkawi Geopark.

Farhana Abdullah et al., (2016) melakukan kajian berkenaan pemuliharaan di Lembah Bujang yang melibatkan tapak warisan yang terdiri daripada bangunan candi-candi yang terdapat disekitar kawasan itu. Kawasan Lembah Bujang merupakan tinggalan sejarah yang amat bernilai dan unik yang terdapat di Malaysia. Tinggalan sejarah yang sudah beratus tahun ini haruslah dipulihara untuk mengekalkan nilai warisan. Oleh itu, penglibatan kerja-kerja ahli arkeologi harus dilakukan seperti pengekalan, pengembalian semula, pemuliharaan dan penjagaan. Pemuliharaan dilakukan kerana terdapat tapak warisan yang tidak dipulihara disebabkan faktor penambahan penduduk tempatan yang menyebabkan kebanyakan tapak warisan harus dihapuskan. Objektif kajian ini ialah penglibatan pakar dalam bidang arkeologi digiatkan dalam merangka pengekalan tapak arkeologi dari dimusnahkan, melakukan kerja-kerja pemuliharaan secara berterusan dan sistematik untuk memastikan tapak arkeologi ini bertahan lama, ia juga dapat memberi manfaat kepada generasi akan datang dan objektif kajian ini juga tapak Lembah Bujang ini sebagai tapak arkeopelancongan. Oleh itu, kajian ini menekankan pemuliharaan tapak warisan yang terdapat di Lembah Bujang, Kedah yang dapat memberi kebaikan kepada semua pihak. Namun, terdapat cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan pemuliharaan ini iaitu kos pemuliharaan yang

diperlukan tidak mencukupi dalam tempoh masa yang lama dan juga dalam kajian ini menyatakan prosedur penjagaan dan pemuliharaan ini tidak mempunyai sistem yang seragam untuk dijadikan sebagai sumber rujukan yang utama. Oleh itu, kajian ini melibatkan pemuliharaan dengan arkeopelancongan supaya pengekalan pemuliharaan ini bertahan lama kerana kesedaran dari pelbagai pihak.

Rosniza Aznie Che Rose dan Nur Athirah Khalid (2017) dengan kajian bertajuk “Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO di George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan”. Kajian dilakukan di bandar warisan di Malaysia ia bertujuan meninjau kawasan pemuliharaan yang dilakukan terhadap bangunan-bangunan warisan di kawasan tersebut. Metodologi kajian ini menggunakan borang soal selidik dan pemerhatian daripada responden tempatan iaitu peniaga dan pelancong. Kaedah ini digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk melibatkan soalan-soalan yang berkaitan dengan pemuliharaan. Hasil dapatan kajian diterima daripada penglibatan responden yang baik dalam pengumpulan maklumat berkenaan pemuliharaan bangunan di tapak warisan Pulau Pinang ini. Hasil dapatan ini mendapat penilaian terhadap struktur bangunan, penilaian bangunan warisan, penilaian terhadap pengurusan kebersihan, dan penilaian terhadap pengurusan keselamatan. Tambahan pula, hasil dapatan ini dapat menyimpulkan respon yang baik, dapat disimpulkan bahawa pihak pengurusan menjalankan tanggungjawab yang baik dalam melakukan sistem pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan yang terbiar ini sebagai warisan yang dikenali di tapak warisan Pulau Pinang.

Zulhilmi Paidi et al., (2014) tajuk “Kajian Indeks Konservasi Bangunan Bersejarah dan Tapak Warisan Kebudayaan: Pendokumentasian Dan Pengkategorian Untuk Industri Pelancongan Warisan (*Heritage Tourism*) Di

Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia". Terdapat empat objektif utama dalam kajian ini iaitu mengenalpasti dan mengumpul maklumat mengenai bangunan bersejarah dan tapak warisan kebudayaan di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara. Objektif yang kedua pula melibatkan mendokumentasi dan memperihalkan bangunan bersejarah dan tapak warisan budaya di wilayah utara. Objektif ketiga ialah mengkategorikan dan mengklasifikasikan bangunan bersejarah serta tapak warisan di wilayah utara dari aspek nilai-nilai tapak warisan. Objektif yang terakhir dalam kajian ini ialah membentuk indeks bangunan bersejarah dan tapak warisan di wilayah utara. Objektif kajian yang dinyatakan dalam kajian ini menekankan pemuliharaan tapak warisan dan bangunan yang melibatkan beberapa kawasan di dalam Malaysia. Kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah temubual dan juga tinjauan. Kaedah temubual ini dilakukan terhadap pihak-pihak berkepentingan terhadap pemuliharaan warisan ini, manakala tinjauan ini dilakukan terhadap komuniti. Hasil dapatan kajian ini dapat mengetahui latar belakang bangunan bersejarah dan tapak warisan kebudayaan, perolehan maklumat ini didapati daripada kaedah metodologi yang dilakukan. Oleh itu, ia dapat melihat keberkesanan dalam penghasilan dokumentari berkaitan tapak dan bangunan warisan yang terlibat untuk dipulihara.

Artikel tentang pemuliharaan yang dilakukan oleh Mohd Azamrul Harun (2007) iaitu "Kesanggupan Pengunjung Membayar Untuk Aktiviti dan Menyumbangkan Kepada Tabung Pemuliharaan Di Taman Negara Endau-Rompin". Antara objektif kajian yang melibatkan pemuliharaan ialah mendapatkan maklumat berkenaan faktor yang mempengaruhi kesanggupan pengunjung menyumbang kepada tabung pemuliharaan dan pemeliharaan yang dilakukan di Taman Negara Endau-rompin. Kaedah kajian digunakan adalah berbentuk soal

selidik yang akan diberikan secara rawak kepada pengunjung yang hadir dan juga kaedah pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian ini dilakukan untuk meneliti kesanggupan pengunjung dalam membantu pemuliharaan di kawasan tersebut dan juga dapat melihat kesedaran peranan mereka terhadap pemuliharaan warisan yang terdapat di Taman Negara Endau-Rompin.

Kajian dari luar negara berkaitan pemuliharaan oleh Sian Jones (2009) dengan kajian yang bertajuk “*Experiencing Authenticity At Heritage Site: Some Implications For Heritage Management And Conservation*”. Kajian ini dilakukan untuk untuk mengkaji kepentingan keaslian sesuatu tapak warisan supaya tidak berlaku isu dalam menguruskan pemuliharaan warisan. Ia melibatkan warisan ketara dan tidak ketara yang terdapat didalam tapak warisan. Ianya bertujuan untuk mengelakan tapak warisan daripada berlaku sebarang masalah yang akan menyebabkan proses pemuliharaan tidak dapat dijalankan. Artikel ini juga membincangkan kepentingan untuk menghargai warisan agar ia dapat dikekalkan dan ia juga untuk mengekalkan kualiti warisan pada masa akan datang.

### **2.3.3 TAPAK WARISAN**

Artikel berkaitan tapak warisan oleh Mohd Nur Shafiq Harun dan Mohd Samsudin (2019) tajuk kajian ialah “Sejarah Bukit Puteri Sebagai Tapak Warisan Kebudayaan Semulajadi Di Negeri Terengganu”. Objektif kajian ini ialah membincangkan jenis-jenis peninggalan artifak yang bersejarah di Bukit Puteri. Bukit Puteri ini merupakan sebuah kubu pertahanan yang lama ia digunakan pada abad ke 18 dan ke 19 Masihi. Hasil daripada kajian ini bahan artifak yang diperolehi ialah Genta Gergasi atau dikenali sebagai loceng besar yang dibina pada tahun 1908 semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III. Genta ini berfungsi sebagai alat keselamatan dan kegunaan sebagai mengumumkan sesuatu maklumat yang penting kepada

masyarakat. Selain itu, di tapak warisan Bukit Puteri ini juga terdapat Meriam yang merupakan bahan artifak yang dijumpai ditapak tersebut. Meriam ini digunakan semasa berlakunya perperangan. Tiang bendera yang dijumpai di Bukit Puteri berfungsi rujukan bagi pedagang yang datang berdagang di persisiran sungai di Terengganu. Bahan artifak seperti tempat penyimpanan peluru bedil berfungsi sebagai penyimpanan senjata dan peluru. Merupakan bahan binaan yang konkrit dan menggunakan bumbung yang diperbuat daripada batu, agar tempat simpanan ini bertahan lama dan terlindung dari pihak musuh. Kubu pertahanan yang merupakan bahan artifak yang sangat penting kerana ia merupakan identiti dan simbol bagi kegemilangan Bukit Puteri yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan kota pertahanan yang sangat dikagumi pada suatu ketika dahulu. Hasil dapatan kajian ini juga mendapati kewujudan artifak singgahsana sultan yang menggunakan bahan binaan yang berkualiti pada zaman Kesultanan Melayu Terengganu pada abad ke-18 Masihi, ia juga dijadikan sebagai tempat pertahan bagi sultan. Oleh itu, kajian ini membuktikan Bukit Puteri merupakan tapak warisan yang sangat bernilai kerana peninggalan bahan artifak yang harus dijaga supaya warisan ini dapat dipelajari oleh generasi akan datang.

Zuliskandar Ramli (2019) kajian yang bertajuk “Penemuan Terkini Tapak Prasejarah Di Lembangan Sungai Nenggiri”. Sungai ini terletak di Hulu Kelantan yang merupakan tempat tinggalan prasejarah dan protosejarah, ia merupakan tempat sejarah yang bernilai. Hasil dapatan kajian ini didapati sepanjang lembangan sungai ini didapati tapak-tapak arkeologi yang bersejarah iaitu Gua Angin dan Gua Lubang Kelawar di Bukit Batu Tambah, Gua Klebong dan Gua Cahaya di Bukit Kledong dan Gua Kelew dan Gua Rahmat di Bukit Kelew. Tapak-tapak warisan ini merupakan bahan tinggalan sejarah yang membuktikan kehidupan manusia yang

tinggal di kawasan tersebut. Hasil tinjauan yang dilakukan di Lembangan Sungai Nengiri ini melibatkan ekskavasi yang melibatkan beberapa gua yang berkait dengan Lembangan Sungai Nengiri. Penemuan seperti lukisan yang terdapat di Gua Lubang Kelewar, Gua Kelew, Gua Kecil Batu Tambah dan juga terdapat lukisan yang berimej antroporfik di Gua Jaya. Lukisan gua ini menggunakan arang untuk dilukis oleh itu dapat dilihat penggunaan warna hitam di atas batu gua ini disebabkan kesan daripada arang. Lukisan yang terdapat digua ini menggunakan imej antropomorfik, zoomorfik, geometri abstrak dan kalender bermusim. Hasil dapatan kajian ini mendapati gua-gua yang ekskavasi ini merupakan kawasan yang merupakan tapak tinggalan sejarah yang sangat bernilai. Hal ini dapat membuktikan kehidupan yang pernah mendiami di kawasan tersebut. Penemuan bahan artifak ini dapat dijadikan bahan kajian untuk mengetahui kewujudan cara hidup masyarakat dahulu dan menjadi tempat arkeopelancongan supaya dimanfaatkan oleh masyarakat dan pelancong dari luar atau dalam untuk mengetahui sejarah tinggalan di tapak warisan tersebut.

Norliza Nordin (2017) melakukan penyelidikan berkaitan tapak warisan yang bertajuk “Penilaian Harta Tanah Warisan”. Objektif kajian ini bertujuan untuk menentukan perkara yang perlu dipertimbangkan dalam penilaian tanah warisan dan mengkaji praktis penilaian bagi harta tanah warisan yang dinilai. Tambahan pula, faktor perundungan tanah warisan juga diambil kira untuk mengetahui sekatan terhadap harta tanah warisan. Kajian ini menggunakan kaedah perbandingan dalam memperolehi maklumat berkenaan penilaian harta tanah warisan, mengambil elemen penilaian seperti susut nilai, sewaan dan pendapatan lot subjek. Analisi kajian ini dijalankan ke atas 23 kes penilaian harta warisan yang terdapat di GorgeTown di Pulau Pinang. Antara perkara yang dipertimbangkan ketika

melakukan pelarasan ialah masa, lokasi yang melibatkan dua kategori kawasan, saiz keluasan tanah, keadaan bangunan yang dalam keadaan yang bagus dan juga bangunan warisan yang dipulihara atau diubah suai, senibina, kategori bangunan warisan, perancangan dan lain-lain. Kajian ini juga bertujuan untuk memastikan tapak warisan ini terus memelihara bahan sejara yang terdapat di kawasan tersebut. Kajian ini dapat membuktikan penelitian yang dilakukan dalam menjaga tapak warisan terus dipelihara untuk dipelajari kepada generasi akan datang.

Musaddiq Mohammad Khalil, Amer Shakir Zainol dan Azahar Harun (2019) melakukan penyelidikan ke atas tapak warisan dunia yang terletak di Melaka, bertajuk “Sejarah Dunia UNESCO sebagai Lokasi Pelancongan Terhadap Sosio-Budaya: A’Famosa, Melaka”. Objektif kajian ini ialah memastikan terdapat hubungan korelasi antara lokasi dan tapak sejarah dunia UNESCO dan menganalisis jenis hubungan korelasi yang terlibat antara lokasi dan tapak sejarah dunia UNESCO terhadap sosio-budaya masyarakat setempat. Metod kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dengan melalui objektif korelasi untuk menentukan kewujudan serta hubungan antara pembolehubah, sampel kaji selidik ini menggunakan *Non-Probability of Convenience Sampling* yang diedarkan kepada pengunjung, pelancong dan masyarakat setempat yang terdapat di A’Famosa, Melaka. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kesedaran masyarakat setempat terhadap kepentingan sosio-budaya yang berkembang terkini dalam revolusi perindustrian. Oleh itu, kajian ini melibatkan tapak warisan dunia A’Famosa di Melaka sebagai tapak destinasi pelancongan yang sangat terkenal dengan keunikan warisan.

Kajian berkenaan tapak warisan dimantapkan lagi oleh Nor Azian Nashurridin (2012) tajuk kajian “Mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong

Sebagai Tapak Warisan Prasejarah". Kajian ini menfokuskan Muzium Arkeologi Lenggong yang merupakan muzium yang terletak di Negeri Perak. Terdapat empat objektif yang dinyatakan dalam kajian ini iaitu untuk mengkaji Muzium Arkeologi Lenggong sebagai tapak warisan prasejarah dari segi koleksi bahan dan maklumat yang dipamerkan. Kedua untuk meneliti kelemahan dan kekurangan strategi promosi yang telah dijalankan oleh organisasi muzium. Ketiga untuk menganalisis peranan Muzium Arkeologi Lenggong sebagai medium pendidikan prasejarah kepada masyarakat. Objektif yang keempat mencadangkan kaedah yang berkesan dalam mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong kepada umum terutama golongan belia. Rumusan objektif ini adalah untuk memperkenalkan tapak warisan ini kepada semua lapisan masyarakat. Objektif ini memberikan peluang dalam menarik semua lapisan masyarakat untuk mempelajari tapak warisan yang bersejarah ini.

Adnan Jusoh et al., (2015) melakukan kajian terhadap "Pelestarian Warisan Kebudayaan Dan Warisan Semula Jadi Di Lembah Kinta: Satu Kajian Awal". Lembah Kinta merupakan lembah yang kaya dengan biji timah yang terletak di negeri Perak. Pembangunan Sungai Kinta ini telah dicadangkan pada tahun 2000 serta pengisytiharan Geopark Lembah Kinta pada 2014 secara tidak langsung ia memperkenalkan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi. Lembah Kinta ini merupakan tapak warisan yang sangat bernilai kerana terdapat artifak dan juga rangka manusia pada zaman Hoabinhian. Sejarah perkembangan kerajaan Lembah Kinta telah menjumpai arca gangsa Buddha berdiri dan arca gangsa Avalokitesvara. Arca gangsa Buddha ini telah ditemukan pada tahun 1890 di sebuah lombong biji timah yang berhampiran dengan Sungai Siput. Ia merupakan sebuah arca yang penting untuk agama Buddha. Tapak warisan di Perak iaitu membangunkan

Geopark di Lembah Kinta ianya merupakan projek pelancongan yang mempunyai kawasan yang menghijau. Faktor yang terpengaruh dalam pembangunan geopark ini ialah keluasan dan ketetapan kawasan, pengurusan dan penglibatan masyarakat setempat, pembangunan ekonomi, pendidikan, perlindungan dan pemuliharaan dan jaringan perhubungan antarabangsa. Tambahan pula, terdapat juga tarikan seperti air terjun yang cantik dan segar yang merupakan tarikan alam semula jadi di kawasan tersebut dan penemuan beberapa buah gua juga dijumpai. Oleh itu, kawasan Lembah Kinta ini merupakan sebuah tempat yang mempunyai nilai warisan yang unik. Tapak warisan ini harus dijaga dan dipulihara supaya khazanah ini dapat bertahan lebih lama. Penglibatan semua pihak dapat membantu meningkatkan nilai warisan untuk dijadikan tapak warisan di peringkat antarabangsa.

#### **2.4 KERANGKA TEORITIKAL**

Kerangka teori ini bermula dengan tajuk kajian iaitu “Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di Taiping Perak”. Penggunaan Teori Ekologikal Kelly (1968) yang merupakan teori berkenaan dengan Psikologi Komuniti. Teori ini mempunyai empat prinsip yang diketengahkan oleh Kelly dan definisi ekologikal yang terdapat dalam Teori Ekologikal Kelly (1968) ini. James. G. Kelly (2006) menterjemahkan analogi ekologi tertentu ini menegaskan bahawa sebagai struktur dan fungsi unit sosial, cara menangani peristiwa yang mengganggu sehingga membawa perubah, dengan variasi yang sesuai dalam tingkah laku individu yang melakukan peranan adaptif dan maladaptif dalam masyarakat tertentu. Hubungan antara fungsi unit sosial dan penyertaan anggota individu menjadi fokus utama untuk merancang program intervensi di mana menyusun semula hubungan atau gandingan antara tingkah laku individu dan fungsi sosial. Hal ini, sama seperti mereka mengubah tingkah laku satu unit sosial atau tingkah laku ekspresif

mana-mana anggota masyarakat. Ianya dapat dilihat perhubungan antara komuniti setempat mempengaruhi perubahan komuniti sosial yang memberi kesan kepada persekitaran yang positif atau negatif, justeru dalam pemuliharaan tapak warisan komuniti setempat merupakan golongan yang berpengaruh dalam perubahan mencapai sesuatu matlamat yang diberikan. Menurut Roslan Ismail (2013) menyatakan maksud ekologikal ialah merupakan satu kajian tentang hubungan antara organisme hidup dengan alam persekitarannya. Semua hidupan terpaksa saling bergantung sesama sendiri dan perlu bergantung kepada persekitarannya dalam komuniti masing-masing atau dengan komuniti lain.

Empat prinsip teori ini ialah saling bergantung iaitu menolong kita untuk memahami segala perubahan di dalam satu komponen sistem akan memberi kesan kepada perubahan dalam komponen sistem yang lain seperti mencipta kesan domino. Konsep saling bergantung ini merupakan prinsip yang diketengahkan dalam teori dan latihan berkaitan Psikologi Komuniti. Ianya dapat membantu individu sedar bahawa semua perkara ini saling berkait antara satu sama lain (Tiffeny R Jimenez 2021). Jelaslah bahawa Psikologi Komuniti berkait antara satu sama lain kerana tinggal di kawasan yang sama, ianya kerana komuniti ini juga dapat mempengaruhi cara hidup komuniti setempat di sesuatu kawasan tersebut. Prinsip yang pertama berkaitan saling bergantung yang dapat dikaitkan dengan komuniti setempat di Taman Tasik Taiping, Perak ini ialah pembentukan satu komuniti ini mempunyai sikap bersatu padu untuk mengekalkan suasana yang aman dan harmoni. Komuniti setempat di sekitar kawasan tersebut mempengaruhi perubahan psikologi yang baik kerana persekitaran kerana Taman Tasik Taiping, Perak itu memberi perubahan positif kepada komuniti setempat.

Prinsip yang kedua ialah penyesuaian ialah sesuatu proses perubahan dan penyesuaian diri didalam sesuatu persekitaran yang mungkin tidak ada di dalam persekitaran yang sedia ada. Sebagai contoh, seorang kanak mempunyai tingkah laku yang

sangat ramah dan mempunyai ciri-ciri yang ramai kawan, namun penerimaan ini mungkin tidak disukai oleh guru di sekolah kerana beranggapan sering bersosial di bilik darjah (Tiffeny R Jimenez 201). Hal ini terdapat dua situasi yang memerlukan penyesuaian dalam kalangan komuniti yang dipengaruhi oleh persekitaran, penerimaan yang positif akan mendatangkan hasil yang positif. Dalam kajian yang dilakukan oleh Ed Stevens et al., (2016) menyatakan “*many community psychologists focus on the idea that we need to identify and understand multiple perspectives on reality. This involves understanding the importance of multiple contexts including gender, race, age, sexual orientation, religion, and disability status*”. Ianya, mengatakan komuniti ini melibatkan pelbagai perspektif kehidupan masyarakat yang terdapat didalam kawasan persekitaran yang mempengaruhi pelbagai konteks yang dinyatakan diatas seperti umur, jantina, agama dan sebagainya. Penyesuaian ini dapat dikaitkan dengan komuniti setempat Taman Tasik Taiping, Perak seperti percampuran kaum di satu kawasan yang diwakili pelbagai peringkat umur. Komuniti setempat di sekitar kawasan tersebut terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan etnik-entik yang lain. Di kawasan tersebut terdapat aktiviti yang dilakukan oleh pelbagai kaum sebelum berlakunya Covid-19 contohnya, Tai Chi yang merupakan aktiviti yang melibatkan kaum Cina. Tambahan lagi, penyesuaian yang diterima komuniti ini dapat dilihat penglibatan seperti kaum melayu menyertai aktiviti ini walaupun ia merupakan aktiviti bagi kaum Cina, ia tiada berlaku permasalahan kerana penyesuaian dan penerimaan oleh komuniti disekitar kawasan tersebut.

Prinsip yang ketiga ialah kitaran semula sumber, ia merujuk kepada proses bagaimana komuniti mengenal pasti, menggabungkan dan penggunaan pelbagai jenis sumber yang ada dalam komuniti mereka. Sumber ini terdiri daripada kemahiran, kepakaran, maklumat dan jaringan sokongan sosial. Menggunakan prinsip ini ia menerangkan tentang kecekapan dalam menerima situasi yang ada dengan memenuhi

kehendak sumber di persekitaran tersebut. Prinsip ini dapat dikaitkan dengan komuniti setempat Taman Tasik Taiping, Perak aktiviti pemuliharaan disekitar kawasan tersebut. Sebagai contoh, komuniti mengetahui peranan mereka dalam mengekalkan kebersihan di kawasan tersebut supaya komuniti sekitar berasa selesa dengan keadaan sekeliling. Prinsip yang terakhir ialah kejayaan ia merujuk kepada fakta bahawa komuniti akan berasa selesa dalam proses perubahan yang berterusan dan proses ini berubah kerana mengikut penyesuaian persekitaran yang diperlukan. Sesuatu perubahan ini disebabkan untuk memenuhi tuntutan populasi komuniti (August Hoffman 2021). Kejayaan yang dapat dilihat dalam komuniti setempat ialah penerimaan komuniti terhadap pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak kepentingan iaitu Majlis Perbandaran Taiping (MPT). Tambahan lagi, penerimaan komuniti yang sangat positif terhadap pemuliharaan yang dijalankan. Pemuliharaan yang dilakukan dapat menjaga keselamatan komuniti setempat. Oleh itu, kejayaan ini dapat dijayakan dengan melibatkan komuniti kerana dapat mencapai matlamat dalam sesuatu objektif berkenaan pemuliharaan.


Oleh itu, teori berkaitan komuniti ini mempunyai pelbagai pendapat dan teori. Perbezaan Teori Ekologikal Kelly (1968) ini dibandingkan dengan Teori Ekologikal Bronfennbrenner (1979) yang merupakan tokoh kepada Psikologi Komuniti. Dalam kajian Kristen Gleason (2016) menyatakan bahawa Teori Ekologikal Kelly (1968) ini lebih berguna dalam kerangka teori, perbandingan ini dilakukan terhadap kerangka Teori Bronfennbrenner (1979) menghubungkaitkan hubungan dengan unsur kemampuan dalam menjana hipotesis. Teori Ekologikal Kelly (1968) merupakan satu teori yang sangat kuat berkaitan komuniti. Hal ini kerana pencipta teori ini telah menghasilkan satu teori yang berkait dengan kehidupan manusia. Oleh itu, dalam kajian ini penggunaan teori ini penting dalam menilai penglibatan komuniti setempat kerana responden dalam mendapatkan sesuatu maklumat adalah dari kalangan komuniti seperti rajah berikut:

**Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di  
Taiping, Perak**

**Teori Ekologikal Kelly (1968) (Psikologi Komuniti)**

**Teori ini menyatakan empat prinsip yang melibatkan komuniti setempat.**

- i. Saling Bergantung “*Interdependence*”
- ii. Penyesuaian “*adaptation*”
- iii. Kitaran Semula Sumber “*Cycling Of Resources*”
- iv. Kejayaan “*Succession*”



Rajah 2.1: Kerangka Teoritikal kajian

## 2.5 KESIMPULAN

Kesimpulanya, bab kedua dalam kajian ini menghuraikan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu, ianya melibatkan pelbagai kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji ini. Sorotan kajian yang dibahagikan kepada tiga iaitu komuniti setempat, pemuliharaan dan tapak warisan merupakan pemilihan bahan bacaan yang berkaitan dengan sorotan ini. Secara keseluruhannya, kajian lepas yang lepas telah dilakukan perkara ini dapat melihat usaha pengkaji dahulu dalam menggumpulkan maklumat supaya objektif dan hasil kajian mendapat maklum balas yang positif dan juga negatif. Perbezaan artikel-artikel ini mempunyai kelebihan dalam menyampaikan maklumat dan mengelakkan persamaan dalam melakukan kajian. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menggunakan Teori Ekologikal Kelly (1968) kerana bersesuaian dengan tajuk kajian ini iaitu Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di Taiping, Perak. Tujuan kajian ini bertujuan untuk melihat pencapaian objektif dalam kajian ini yang melibatkan komuniti setempat terhadap pemuliharaan tapak warisan yang menjadi kebanggaan di bandar Taiping tersebut.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang berkaitan dengan metodologi kajian. Dalam bab ini juga menyatakan tentang bentuk kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji dalam memperolehi maklumat. Antara perkara yang terdapat di dalam bab ini ialah proses pengumpulan data, kaedah analisis data, dan kesahan dan kebolehpercayaan. Metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematis dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif (AJ Muhammad Fahmi 2014).

F. Salleh (2003) menyatakan metodologi ini berasal daripada perkataan dari Yunani (Latin) yang terdiri daripada “meta” dan “odos”. Maksud bagi dua kata ini “meta” bermaksud dengan dan “odos” bermaksud jalan. Tambahan lagi, perkataan “logos” ialah ilmu atau aliran, ia dapat diterjemahkan sebagai “ilmu dengan jalan”. Oleh itu, perkataan metodologi ini merujuk dalam pencarian sesuatu perkara dengan lebih tepat dan mendalam. Hasil daripada penyelidikan yang dilakukan oleh para pengkaji dalam menambah pengetahuan. Sidek Mohd Noah (2000) menyatakan bahawa penyelidikan ialah satu usaha yang sistematis untuk mendapat jawapan kepada sesuatu masalah.

Tambahan lagi, metodologi kajian merupakan satu kaedah dan teknik reka bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi jni menerangkan tentang cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu keadah dan teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu dan memahami dengan lebih mendalam atau lebih terperinci lagi

tentang mengaplikasikan kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian (Siti Sarah 2015).

### **3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA**

Proses pengumpulan data merupakan sesuatu proses dalam mendapatkan maklumat. Proses ini melibatkan proses pengumpulan data sekunder, primer dan juga kuantitatif, ianya merupakan proses yang digunakan oleh pengkaji. Ia bertujuan untuk pengkaji mengetahui dengan lebih mendalam tentang penggunaan proses ini dalam kajian. Proses pengumpulan data ini merupakan perkara yang penting sebelum memulakan kajian, supaya para pengkaji mengetahui matlamat dan objektif kajian mereka.

Ummi Adibah (2019) menyatakan pengumpulan data adalah peringkat proses penyelidikan dimana para penyelidik menggunakan kaedah dan teknik saintifik untuk mengumpulkan data sistematik untuk tujuan analisis. Ia bertujuan untuk memastikan penyelidikan ini dilakukan secara teliti iaitu sistematik dan saintifik. Pergumpulan data ini tidak boleh ambil secara berat sebelah kerana ia boleh menjadikan satu kajian itu tidak berilmiah. Teknik pengumpulan data merupakan bahagian penting dalam proses penyelidikan. Tahap-tahap ini telah dijalankan selepas cadangan penyelidikan telah diluluskan dan sebelum analisis data dijalankan.

Pengumpulan data merupakan salah satu tahap yang sangat penting dalam kajian. Teknik pengumpulan data yang betul akan menghasilkan data yang mempunyai kredibiliti tinggi dan sebaliknya. Oleh itu, tahap ini tidak boleh melakukan kesalahan dan harus dilakukan dengan cermat mengikut prosedur dan ciri-ciri pengumpulan data. Kesalahan atau ketidak sempurnaan dalam proses pengumpulan data akan menyebabkan kajian itu mengalami kerosakkan kerana data yang diterima tidak sah, ia akan menghasilkan satu kajian yang tidak boleh diterima (Mudjia Rahardjo 2011).

### 3.2.1 DATA SEKUNDER

Kajian yang dilakukan oleh Lim Mei Yuan (2018) sumber sekunder terdiri daripada bahan atau dokumen yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis maklumat yang telah dicatatkan di tempat lain. Sumber ini merangkumi majalah, jurnal, ensiklopedia, akhbar, risalah, laporan tahunan jabatan dan blog. Sumber sekunder ini merupakan sumber yang sering dijadikan rujukan para pengkaji dalam mencari maklumat.

Dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji merujuk banyak sumber sekunder dalam mencari maklumat yang sahih dan tepat. Setiap rujukan yang dicari mempunyai kepentingan yang tertentu dalam menghasilkan sesuatu perkara. Rujukan yang sah ini ialah rujukan yang tepat melalui kajian ataupun maklumat yang dilakukan oleh para sarjana. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan tajuk kajian iaitu Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di Taiping, Perak. Mengikut kesesuaian tajuk yang digunakan dalam pencarian maklumat yang berkaitan banyak diperolehi dari sumber sekunder. Oleh itu sumber sekunder ini merupakan perkara yang penting terhadap pengkaji dalam memperolehi maklumat yang diingini. Antara sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini ialah sumber rujukan laman sesawang atau *internet*, jurnal, akhbar, artikel, dan dokumen.

#### i. Laman Sesawang/ Internet

Sumber sekunder yang pertama ialah penggunaan pencarian maklumat melalui laman sesawang atau *website*. Antara definisi yang dikemukakan dalam menghuraikan maksud laman sesawang ini menurut Norliza Hussien (2013) dalam kajiannya terdapat beberapa definisi yang diberikan berkenaan dengan laman

sesawang oleh Mohd Arif & Mohd Jasmy (2000) menjelaskan laman web adalah laman yang mengandungi pelbagai maklumat dalam bentuk teks, grafik, animasi audio dan video yang berdasarkan kepada citarasa dan kreativiti pembinaan laman web tersebut.

Mahidun (2007) pula menjelaskan www disifatkan sebagai tunjang utama teknologi internet masa kini yang dapat membantu membekalkan bahan dan kursus secara mudah di dalam pendidikan, khususnya pendidikan jarak jauh, penyelidikan infrastruktur, penyebaran maklumat serta komunikasi elektronik dalam bentuk multimedia.

Penggunaan laman sesawang ini mudah kerana boleh diakses pada bila-bila masa. Kepentingan penggunaan laman ini membekalkan pelbagai maklumat yang ingin dicari oleh pengkaji. Penggunaan laman sesawang ini dijadikan sebagai medium yang sangat utama dalam memperolehi maklumat kerana, kes penularan wabak penyakit Covid-19 ini menghadkan proses dalam pengumpulan maklumat secara perpustakaan. Oleh itu, proses pengumpulan data sekunder melalui laman sesawang membantu pengkaji dalam carian maklumat tentang kajian yang ingin dijalankan.

## ii. **Jurnal**

Seterusnya, sumber sekunder melalui carian jurnal yang berkait dengan kajian juga digunakan dalam menggumpulkan maklumat. Abdillah (2021) menyatakan jurnal adalah perkara yang merupakan ilmiah atau akademik. Jurnal merupakan satu penyebaran berbentuk ilmiah yang berisi artikel dan biasanya diterbitkan secara teratur seperti dua atau empat tahun sekali. Jurnal ini juga merujuk kepada ahli bidang yang tertentu berdasarkan topik yang ditulis dalam artikel. Antara jurnal

yang digunakan dalam kajian ini ialah Akademika 67, Jurnal Dunia Pengurusan, *Malaysia Journal of Society and Space, Journal of Borneo Society Transformation Studies*, Jurnal Arkeologi Malaysia, Akademika 80, Jurnal Peradaban dan Jurnal Inspirasi Seni Intelektual. Jurnal yang dinyatakan ini merupakan jurnal yang dipilih dalam kajian yang mengikut kesesuaian maklumat yang ingin digunakan.

### **iii. Artikel**

Sumber sekunder dari artikel juga turut digunakan dalam menggumpulkan maklumat. Artikel ini merujuk kepada penulisan para pengkaji yang melakukan sesuatu kajian. Setiap pengkaji mempunyai objektif yang tertentu dalam melakukan sesuatu kajian. Menurut Faozan Tri (2021) menyatakan artikel adalah satu karya yang dilakukan yang mempunyai pendapat seseorang yang mengetahui tentang sesuatu masalah atau mempunyai sifat dalam memberitahu atau menyampaikan maklumat, menyakinkan pembaca atau mempengaruhinya. Oleh iu, penggunaan artikel ini membantu pengkaji dalam mencari maklumat yang berkaitan, justeru untuk mengetahui bahawa kajian yang dilakukan itu tidak dikaji lagi oleh para sarjana yang dahulu. Hal ini untuk mengelakan berlakukanya persamaan dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

### **iv. Akhbar**

Penggunaan sumber akhbar juga dikategorikan sebagai sumber sepekunder. Antara keratan akhbar yang digunakan ialah akhbar dari Harian Metro, Sinar dan Berita Harian merupakan akhbar yang menjadi rujukan oleh pengkaji. Menurut S. Muttappan (2011) menyatakan bahawa sejarah kewartawanan dan perkembangan media massa berkait rapat dengan usaha manusia mencari kebebasan diri, iaitu sejak mereka berpeluang untuk bercakap dan menulis. Lima abad yang lalu, selepas

wujudnya teknologi percetakan, manusia mula dapat menyalurkan idea dan pandangan mereka kepada orang ramai. Salah satu komponen media massa yang berpengaruh dalam membantu masyarakat melahir dan menyalurkan idea ialah akhbar. Oleh itu, penggunaan sumber sekunder merupakan bahan bacaan tambahan yang mempunyai pelbagai maklumat yang tepat dan meluas melalui sesuatu perkara yang disampaikan melalui pelbagai medium.

### **3.2.2 SUMBER PRIMER**

Mohd Helmi Mohd Sabri (2017) menyatakan konsep sumber primer ini melalui dua ciri yang terpenting dan umum iaitu pertama bersifat sebagai sumber yang dihasilkan di dalam zaman atau era sejarah yang dikaji dan kedua sebagai bahan yang boleh memberi jawapan kepada sesuatu persoalan khusus tentang masa lalu. Sumber primer merupakan satu bahan yang asli iaitu tidak diterbitkan dan belum diolah oleh mana-mana pihak.

Definisi berkenaan sumber primer ini diteruskan lagi oleh Richard Marius (1999) menyatakan “*Primary sources are texts nearest to any subject of investigation*” iaitu bermaksud bahawa sumber primer merupakan sebuah teks yang hampir dengan subjek penyiasatan atau penyelidikan. Manakala, menurut Christine L. Chompston (2002) berpandangan “*A Primary source is a firsthand or direct source information*” ianya bermaksud bahawa sumber utama ini merupakan hasil karya yang pertama yang penuh dengan maklumat. Kedua-dua definisi ini menekankan hubungan langsung atau dekat yang wujud antara sumber primer dan topik yang dibincangkan.

Tambahan lagi, John Tosh (2006) memberikan pandangan tentang sumber primer adalah “*evidence contemporary with the event or thought to which it refers*”,

manakala William K. Story (2009) berpendapat “*primary source originates in the time period that historians are studying*” dan Arthur Marwick (2001) menyatakan “*Primary sources are sources which were generated within the period being studies*”. Oleh itu, kesimpulan daripada definisi-definisi yang dinyatakan oleh tokoh dapat disimpulkan bahawa antara ciri utama sumber peimer adalah bersifat semasa peristiwa, keadaan, pemikiran dan nilai yang dirujuk atau dicerminkan.

Nina Herlina (2020) menyatakan dalam kajian beliau bahawa sumber primer (*primary sources*) adalah sumber yang menyaksikan, mendengar sendiri (*eye-witness* atau *ear-witness*) atau mengalami sendiri (*the actor*) peristiwa atau perkara yang terjadi dalam sumber tersebut. Tambahan lagi, sumber primer adalah satu sumber yang tidak diolah atau belum diganggu isinya. Sumber primer dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu sumber primer yang kuat “*Strictly primary sources*” merupakan sumber yang berasal dari satu perkara yang disaksikan oleh mata atau secara nyata atau melihat secara langsung sesuatu perkara, manakala sumber primer yang kedua ialah “*Less-strictly primary sources* atau *contemporary primary sources*” ianya merupakan sumber yang kurang kuat atau sumber yang bersifat seketika. Ianya juga dinyatakan sebagai sumber yang bersifat sezaman iaitu sumber yang diperolehi pada tahun dan juga waktu yang sama.

### i. Borang Soal Selidik

Sumber primer merupakan sumber utama pengkaji dalam memperolehi maklumat. Sumber primer seperti kaedah soal selidik yang digunakan pengkaji dalam mengumpul maklumat dari responden, ia merupakan sumber primer yang dimiliki dalam kajian ini. Responden ini diwakili oleh komuniti setempat di Taiping, Perak. Shuhairy Norhisham (2020) mengatakan soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. ia merupakan satu

alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian.

### **3.2.3 KUANTITATIF**

Merujuk kepada istilah “kuantiti” membawa maksud berapa banyak atau bilangan. Kuantiti merujuk kepada bilangan diskripsi yang dinyatakan dengan tepat. Tambahan pula, kajian kuantitatif merupakan satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statik, ianya lebih bersifat objektif dan berasaskan kepada hasil dapatan kajian. Istilah penyelidikan kuantitatif ini dikaitkan dengan data numberik dan ketepatan. Ia adalah satu kaedah penyelidikan yang dilakukan dalam yang melibatkan data numberik iaitu data yang tepat yang didapati dari hasil analisis dan statik, ianya melalui penyelidikan kuantitatif dan masalah kajian yang dinyatakan dalam bentuk hipotesis (Yan Piaw Chua 2011)

Menurut John W. Creswell (2008) menyatakan kajian kuantitatif adalah sejenis kajian penyelidikan melibatkan pendidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, menggumpulkan data yang boleh dikira daripada penglibatan peserta. Menganalisis nombor-nombor tersebut menggunakan kaedah statistik dan menjalankan kajian dalam mencapai objektif yang ditetapkan dalam kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam proses pengumpulan data yang melibatkan beberapa responden. Kaedah kuantitatif ini melibatkan penggunaan borang soal selidik dan persampelan secara rawak. Kaedah kuantitatif ini penting dalam kajian ini kerana merupakan data yang tepat dalam menjalankan kajian. Kuantitatif ini merujuk kepada jumlah komuniti setempat yang merupakan

masyarakat yang tinggal dalam kawasan kajian yang dipilih pengkaji iaitu di Taiping, Perak.

### i. Soal Selidik

Kajian kuantitatif yang digunakan ialah soal selidik kerana kajian ini bersesuaian dengan kaedah tinjaun (Robson 1988). Rosni Zamuddin Shah dan Anis Syahirah Rajuddin (2010) menyatakan bahawa instrumen kajian merupakan alat yang digunakan oleh pereka bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang mengandungi beberapa item dan diberikan kepada responden. Penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran maklumbalas yang diberikan kerana ia tidak dipengaruhi oleh pereka. Pembentukan soal selidik adalah berdasarkan objektif yang telah dirangka. Pengkaji yang membina borang soal selidik ini perlulah berpengetahuan dalam membina soalan yang wajar, boleh dipercayai dan tidak dipengaruhi oleh emosi ketika melakukan borang soal selidik ini.

Kaedah soal selidik ini sering digunakan untuk mengutip data dan kajian secara formal dan sistematik. Terdapat beberapa ciri-ciri yang perlu diambil kira sebelum membuat borang soal selidik ini iaitu memenuhi objektif dan persoalan kajian, mempunyai kesahan, mempunyai kebolehpercayaan dan praktikal. Oleh itu, borang soal seidik ini haruslah memenuhi objektif kajian supaya matlamat kajian dalam memperolehi maklumat yang dikehendaki tercapai.

Pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai tujuan utama dalam proses pengumpulan data, penglibatan komuniti setempat memainkan peranan yang penting dalam kajian ini. Borang soal selidik ini akan diberikan secara atas talian

tetapi khususnya melibatkan komuniti di Taiping, Perak sahaja. Pengagihan borang secara diatas talian merupakan medium yang digunakan oleh pengkaji.

Hal ini kerana, pengkaji sukar untuk turun ke kajian lapangan kerana penularan wabak yang bahaya pada masa kini iaitu virus Covid-19 membantutkan usaha pengkaji dalam mengagihkan borang secara bersemuka. Tambahan lagi, situasi kini tapak warisan Taman Tasik Taiping juga kurang dikunjungi oleh komuniti setempat kerana masalah yang melanda sekarang.

Oleh itu, pengumpulan maklumat secara atas talian sangat digalakkan dalam menggumpul maklumat yang melibatkan komuniti setempat dari pelbagai pihak. Platform yang digunakan dalam memperolehi maklumat menggunakan kaedah *Google Form* yang disediakan oleh pengkaji untuk diedarkan kepada komuniti setempat. Pengagihan ini dilakukan menggunakan aplikasi atas talian seperti *Whatsapp* yang melibatkan komuniti setempat di kawasan Taiping, Perak.

## **ii. Persampelan secara rawak**

Antara kaedah persampelan yang digunakan untuk mengetahui penglibatan responden ialah persampelan kebarangkalian iaitu persampelan yang dipilih secara rawak mudah. Persampelan ialah satu proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Persampelan merupakan aspek penting dalam penyelidikan kerana ia menentuksan kesahan, kebolehpercayaan dan kualiti hasil penyelidikan (Kamarul Shukri 2015).

Penggiraan saiz sampel menggunakan kiraan jadual Krejcie dan Morgan (1970) dan jadual Cohen (2001). Jadual dilakukan mereka melibatkan komuniti yang ramai, kaedah ini dapat memudahkan pengkaji dalam mengetahui jumlah yang digunakan dalam kajian yang melibatkan responden.

Dalam kajian Ang Kean Hua (2016) menyatakan beberapa pakar juga menyatakan pendapat masing-masing dalam memudahkan penentuan saiz sampel contohnya Krejcie Morgan (1970) yang merupakan pakar dalam menetukan saiz sampel. Dalam kajian Krejcie Morgan (1970) menyatakan satu jadual telah diperkenalkan dengan merujuk kepada jumlah populasi penduduk dalam menentukan sampel saiz

Proses pengumpulan data melalui persampelan dalam kajian kuantitatif telah digunakan. Persampelan ialah proses memilih sekumpulan responden oleh pengkaji untuk mewakili satu kumpulan tersebut atau populasi. Definisi populasi ialah kumpulan komuniti yang lebih besar dan yang akan memperolehi manfaat daripada dapatan yang diperolehi hasil daripada pengkajian statistik ke atas sampel (Kamarul Shukri 2015). Sampel yang diperlukan dalam kajian seramai 383 ia mengikut populasi kawasan bagi mukim Taiping, Perak.

### **3.3 KAEADAH ANALISIS DATA KUANTITATIF**

Ummi Adibah (2019) menyatakan kaedah analisis data yang digunakan dalam proses penyelidikan ditentukan oleh kaedah penyelidikan yang digunakan. Kaedah analisis data adalah tahap proses penyelidikan dimana data yang telah dikumpulkan dapat diproses untuk menjawab rumusan masalah. Pengurusan dan pemprosesan data adalah yang dipanggil analisis data.

Zulia Fizawan (2021) menyatakan analisis data diertikan sebagai kebolehan mengolah data untuk menjadi satu bentuk maklumat yang mudah difahami dan bermanfaat untuk menjawab segala persoalan-persoalan atau masalah-masalah yang berkaitan dengan kajian penyelidikan. Tujuan analisis ini bagi memudahkan pengkaji serta penyelidik lain dalam memahami data yang telah dikutip dan yang dipersembahkan dalam analisis tertentu.

Analisis kuantitatif ini dapat dilihat sudut pendekatan analisis iaitu secara deskriptif. Statik ialah satu teknik matematik untuk memproses, menyusun, menganalisi dan menyimpulkan data yang berbentuk kuantitatif. Proses analisis data kuantitatif ini melalui statik deskriptif ialah menjelaskan fenomena yang berkaitan dengan sesuatu populasi kajian atau untuk membuat anggaran terhadap populasi yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Data deskriptif ini selalunya dilakukan dalam bentuk graf, carta, gambar rajah, purata, min dan mod. (Zulia Fizawan 2021).

Dalam kajian yang dilakukan pengkaji yang melibatkan komuniti setempat. Penggunaan menganalisis data menggunakan kaedah kuantitatif amat berguna. Hal ini kerana, ia melibatkan kumpulan respondeen yang besar, namun sebilangan responden sahaja digunakan. Rajah dibawah menunjukkan jumlah penduduk yang terdapat di kawasan Taiping, Perak.

Jadual 3.1: Jumlah Komuniti di Taiping, Perak

Daerah Pentadbiran Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (Mukim)	Warganegara Malaysia					Jumlah Keseluruhan Penduduk Taiping
	Bumiputera (Melayu)	Bumiputera (Lain-Lain Etnik)	Cina	India	Lain- Lain	
Taiping	114,629	1,961	65,666	28,658	519	211,433

Sumber: Portal Majlis Perbandaran Taiping, 2010

Berdasarkan kepada formula saiz sampel Krejcie Morgan (1970) dan jadual Cohan et al., (2010) menyenaraikan bilangan sampel yang melibatkan seramai 383 responden

diperlukan untuk menjawab soal selidik kerana melebihi nilai populasi yang dinyatakan dalam jadual sampel (Rosmawati 2011). Borang soal selidik yang akan diberikan dan diisi secara rawak oleh responden yang diwakili pelbagai kaum. Oleh itu, kajian ini juga terhad di kawasan Taiping, Perak ini.

Analisis data ini menggunakan soalan tertutup untuk menggumpul maklumat yang diberikan oleh responden. Norliyana Adnan dan Mohd Parid Mamat (2018) menyatakan borang kaji selidik ini mempunyai satu bentuk soalan iaitu soalan tertutup iaitu jenis soalan yang diiringi dengan senarai jawapan. Penggunaan soalan tertutup ini bertujuan memudahkan responden menjawab soalan ini, selain ia boleh menjimatkan masa responden dan penyelidik (Bailey 1984).

Penggunaan skala likert juga digunakan kerana ia merupakan skala yang diwakili nilai nombor yang boleh dipilih oleh responden, Kajian penggunaan Skor Min dengan menggunakan lima (5) mata Skala Likert (Fauziah et al. 2015). Sebagai contoh, pemilihan tahap 1 hingga 5 menunjukkan perubahan jawapan responden yang diwakili sangat tidak setuju, tidak setuju, agak setuju, setuju dan sangat setuju. Oleh itu, analisis daripada pengumpulan data ini pengkaji dapat mengetahui sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan yang terdapat di Taman Tasik Taiping.

### **3.4 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Kesahan dan kebolehpercayaan amat penting bagi mempertahankan kejituan kajian daripada terdedah kepada kecacatan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan dan kebolehpercayaan kajian semakin jitu data-data yang akan diperolehi bagi menghasilkan kajian yang baik dan berkualiti. Kebolehpercayaan dan kesahan adalah ukuran yang merujuk kepada kestabilan dan ketepatan alat kajian sama ada ia dapat menjawab soalan kajian yang telah dibina (M. Mohammad 2012).

Kesahan dan kepercayaan ini diukur melibatkan penglibatan responden iaitu komuniti setempat dalam menjawab soal selidik yang diedarkan pengkaji dalam kajian ini. Segala maklumat yang diperolehi memastikan tahap pencapaian yang baik amat penting dalam kajian ini.

Kamarul Azmi Jasmi (2012) menyatakan dalam kajiannya bahawa kesahan didefinisikan sebagai ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningfulness*) dan kebolehgunaan (*usefulness*) instrument kajian atau alatan yang digunakan dalam menggumpul data ianya dapat membolehkan data-data disimpulkan (Fraenkel Jack. R dan Norman. E. Wallen 1996). Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Kesahan bertujuan bagi memastikan sama ada ukuran yang digunakan itu mengandungi semua ciri dalam konsep yang diukur itu.

Izzati Rozman (2018) menyatakan kebolehpercayaan dapat ditakrifkan sebagai suatu nilai ukuran yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk menentukan ketekalan skor sesuatu item. Ketekalan atau diistilahkan sebagai “Consistency”. Menurut Howard (1998) ketekalan merupakan suatu elemen yang penting dalam konsep kebolehpercayaan yang membawa maksud sekiranya sesuatu item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama, maka skor keputusan atau jawapan yang diberikan tetap sama atau hampir. William (2000) memberikan pandangannya terhadap ketekalan sebagai unsur utama dalam kebolehpercayaan yang merujuk kepada kestabilan sesuatu ukuran atau instrument atau kajian atau soal selidik yang merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Tujuan utama dapat mengetahui kemampuan sesuatu ukuran dalam memberikan jawapan yang digunakan untuk mengukur konsep terhadap suatu populasi, responden atau sampel (Sabitha Marican 2005).

Menurut Fraenkel, Norman dan Wallen (2005) menyatakan terdapat tiga teknik dalam menentukan kesahan instrumen yang menggunakan kaedah kuantitatif.

- i. *Content-related evidence of validity* iaitu merujuk kepada ketepatan kandungan dan format instrumen, sifat komprehensif instrumen, kebolehgunaan variabel, ketepatan dan kecukupan kandungan item-item yang boleh memberi kefahaman kepada sampel untuk menjawabnya serta ketekalan kandungan dan format item untuk diukur dan dinilai oleh sampel. Teknik ini menggunakan sekumpulan pakar rujuk bagi membuktikan ketepatan kandungan item ketika menilai instrumen.
- ii. *Criterion-related evidence of validity* ia merujuk kepada perhubungan antara skor yang diperolehi dari satu instrumen dengan skor yang diperolehi daripada satu atau lebih instrumen yang lain untuk melihat bagaimana kekuatan hubungan instrumen tersebut dalam kajian.
- iii. *Construct-related evidence of validity* merujuk kepada darjah pembuktian yang jumlahnya diperolehi secara tekal daripada pelbagai bukti yang berbeza.

Dalam kajian Izzati Rozman (2018) menyatakan bahawa Krik dan Miller (1986) mentakrifkan kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif sebagai sesuatu yang merujuk kepada darjah pengukuran, kekal sama, kestabilan ukuran merentas masa dan pengukuran yang sama dalam jangka masa yang berbeza. Manakala, Joppe (2000) memberi pandanganya mengenai kesahan dalam kajian kuantitatif memeriksa bahawa kesahan menentukan sama ada sesuatu keputusan penyelidikan itu benar-benar mengukur apa yang ingin diukur. Ia juga melihat sejauhmanakah kajian yang digunakan dalam sesuatu kajian ini mempu mengarah kepada target sasaran.

Penggunaan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana dalam kajian ini kaedah kuantitatif yang digunakan adalah soal selidik yang

melibatkan komuniti setempat. Soal selidik yang merupakan perkara yang penting kerana jawapan yang diterima merupakan jawapan yang diberikan oleh responden. Komuniti setempat ini melibatkan komuniti di kawasan tapak warisan di Taiping, Perak ini. Ketepatan dalam soal selidik ini menjadi keutamaan dalam kesahan dan kepercayaan dalam mengumpulkan maklumat. Oleh itu, kesahan dan kepercayaan dalam soal selidik ini merupakan pengumpulan data yang tepat kerana melibatkan responden yang dipilih secara rawak.

### **3.5 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, bab ini menghuraikan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dengan secara menyeluruh. Perbincangan bab ini merangkumi tentang proses pengumpulan data yang terdiri daripada tiga iaitu sekunder, primer dan kuantitatif. Selain itu, bab ini menyatakan tentang kaedah analisis data kuantitatif dan juga kesahan dan kepercayaan dalam menjalankan kajian ini untuk memperolehi maklumat yang tepat berkaitan kajian ini. Metodologi kajian ini merupakan sesuatu kaedah yang digunakan dalam memperolehi maklumat yang lebih terperinci berkenaan kajian yang dilakukan.

Oleh itu, kaedah metodologi kajian ini membantu pengkaji dalam memperolehi maklumat berkaitan tajuk kajian yang dilakukan yang melibatkan Komuniti Setempat Terhadap Pemuliharaan Tapak Warisan Di Taiping, Perak Ini. Kaedah kajian yang dilakukan ialah melalui kaedah kuantitatif yang melibatkan soal selidik yang diagihkan kepada komuniti setempat untuk memberi maklum balas terhadap soalan yang disediakan oleh pengkaji. Maklumat yang diberikan responden akan dikaji dalam bentuk lebih sistematik untuk mengkaji dan memastikan matlamat atau objektif pengkaji dalam memperolehi maklumat yang tepat dan dapat dilihat dengan lebih mendalam. Oleh itu, kaedah metodologi kajian ini penting sebelum pengkaji meneruskan kajian mereka supaya dapat melihat kaedah yang bersesuaian untuk digunakan dalam kajian.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Bab empat ini menyatakan tentang analisis data yang didapati hasil maklum balas oleh responden. Kaedah kuantitatif telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat, penggunaan kaedah ini dilakukan melalui soal selidik yang melibatkan komuniti Taiping. Dalam kajian ini memerlukan seramai 384 responden, namun hanya 248 responden yang menjawab soal selidik yang diberikan. Wlaupon begitu, jumlah 248 responden yang terlibat melebihi separuh dariapada jumlah yang diperlukan dalam kajian. Komuniti setempat telah memberi kerjasama yang baik dalam menjawab soal selidik melalui *Google Form*. Oleh itu, penduduk komuniti Taiping telah memberi komitmen yang baik sepanjang proses pengumpulan data.

Analisis yang terkumpul ini akan dianalisis dengan Teori Ekologikal Kelly (1968). Soal selidik yang diberikan melalui *Google Form* ini mempunyai empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A merupakan bahagian demografi responden, bahagian B ialah pengetahuan am sejarah Taman Tasik Taiping, Perak, bahagian C ialah potensi Taman Tasik Taiping Perak sebagai tapak warisan semulajadi di Malaysia, dan bahagian D ialah kepentingan penglibatan komuniti setempat Terhadap Taman Tasik Taiping, Perak. Tambahan lagi, setiap bahagian mempunyai lima soalan yang berkaitan dengan Taman Tasik Taiping dan juga komuniti Taiping. Soal selidik ini diedarkan melalui *Group Whatsapp*, *Personal Whatsapp*, *Page Facebook* seperti *Taiping Zone* dan juga *Taiping D'avengers*, *Group Telegram* seperti Taiping Kamunting COD dan *Instagram*. Kesemua rangkaian media sosial ini sangat membantu dalam pengumpulan data yang diperlukan dalam kajian ini.

## 4.2 ANALISIS SOAL SELIDIK

### 4.2.1 Demografi Responden

Bahagian A ini menyatakan tentang demografi responden yang terdiri daripada 248 orang. Definisi demografi ialah pengajian saintifik mengenai populasi manusia, saiz penduduk dan pertambahan penduduk (Irwan Nadzif Mahpul 2013). Maklumat demografi ini didapati daripada komuniti Taiping yang mengisi soal selidik ini. Demografi ini melibatkan jantina lelaki atau perempuan, bangsa, umur, pendidikan dan pekerjaan.

Jadual 4.1: Demografi Responden

PERKARA		KEKERAPAN (N)	PERATUS (%)
Jantina	Lelaki	135	54.4
	Perempuan	113	45.6
Bangsa	Melayu	214	86.3
	India	14	5.6
	Cina	13	5.2
	Lain-lain	7	2.8
Umur	18 tahun kebawah	25	10.1
	19-25 tahun	84	33.9
	26-30 tahun	38	15.7
	31 tahun keatas	100	40.3
Pendidikan	PMR/SRP/PT3	20	8.1
	SPM	72	29

	STPM/Diploma/STAM	60	24.2
	Ijazah Sarjana Muda	77	31
	PHD/MASTER	19	7.7
Pekerjaan	Kerajaan	58	23.4
	Swasta	76	30.6
	Pelajar	56	22.6
	Tidak Berkerja	27	10.9
	Bekerja Sendiri	31	12.5

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Hasil dapatan kajian menunjukkan 135 orang responden (54.4%) adalah daripada responden lelaki, manakala seramai 113 orang responden (45.6%) merupakan responden dari kalangan perempuan. Selain itu, bangsa Melayu sebanyak 214 orang responden (86.3%), manakala bangsa India sebanyak 14 orang responden (5.6%), bangsa Cina sebanyak 13 orang responden (5.2%) dan lain-lain bangsa sebanyak 7 orang responden (2.8%).

Tambahan lagi, demografi berkaitan umur majoriti yang mengisi borang soal selidik ini berumur 31 tahun keatas iaitu seramai 100 orang responden (40.3%), diikuti dengan umur 19 sehingga 25 tahun iaitu seramai 84 orang responden (33.9%), umur 26 sehingga 30 tahun sebanyak 38 orang responden dan umur yang kurang melibatkan diri ialah 18 tahun kebawah dimana sebanyak 25 orang responden (10.1%).

Seterusnya, demografi berkaitan pendidikan responden yang tertinggi mempunyai latar belakang dalam Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 77 orang

responden (31%), manakala tempat kedua ialah pendidikan taraf Sijil Pembelajaran Malaysia (SPM) terdapat 72 orang responden (29%), tempat ketiga ialah pendidikan taraf Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Diploma dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STPM) sebanyak 60 orang responden (24.2%). Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Rendah Pelajar (SRP) dan Pentafsiran Tingkatan Tiga (PT3) seramai 20 orang responden (8.1%), manakala taraf pendidikan Doktor Falsafah (Phd) dan Master sebanyak 19 orang responden (7.7%). Pekerjaan yang mendapat tempat pertama ialah daripada pekerjaan swasta iaitu seramai 76 orang responden (30.6%), diikuti dengan pekerjaan swasta iaitu 58 orang responden (23.4%). Seterusnya, pelajar seramai 56 responden (22.6%), bekerja sendiri sebanyak 31 orang responden (12.5%) dan tidak bekerja mendapat 27 orang responden (10.9%).

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bilangan dari lelaki melebihi daripada responden perempuan. Penglibatan bangsa yang tinggi ialah dari bangsa Melayu dan demografi umur yang tertinggi yang terdapat dalam kajian ini ialah 31 tahun keatas. Taraf pendidikan Ijazah Sarjana Muda dan juga pekerjaan swasta merupakan pemilihan tertinggi dalam analisis kajian ini. Oleh itu, maklumat demografi dapat dilihat bahawa penglibatan komuniti dan maklumat berkenaan demografi penting untuk menganalisi penglibatan responden dalam soal selidik ini.

#### **4.2.2 Sejarah Taman Tasik Taiping, Perak**

Bahagian B dalam soal selidik ini menyatakan tentang pengetahuan am sejarah Taman Tasik Taiping, Perak ini kepada komuniti Taiping. Pengetahuan secara am ini menilai sejauhmanakah komuniti ini mengetahui tentang sejarah, pencapaian dan juga keindahan taman tasik ini.

Jadual 4.2: Pengetahuan mengenai sejarah Taman Tasik Taiping Perak

PERKARA/SOALAN	YA		TIDAK	
	(N)	(%)	(N)	(%)
1.Taman Tasik Taiping di Perak merupakan kawasan bekas lombong biji timah yang tertua di Malaysia dan merupakan taman awam yang pertama dalam sejarah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang berusia lebih dari 130 tahun.	231	93.1	17	6.9
2. Taman Tasik Taiping ini merupakan taman awam yang pertama ditubuhkan sewaktu pemerintahan British, ianya dibanggunkan berasaskan idea Colonel Robert Sandilands Frowd Walker pada tahun 1884.	215	86.7	33	13.3
3. Taman tasik ini secara asalnya mengikut konsep “Rolling Meadows” iaitu bermaksud konsep yang mengetengahkan kawasan hijau, lapang berkонтur dan pokok-pokok besar, ia juga dikatakan menyamai Kensington Park iaitu taman awam yang tercantik di London.	221	89.8	25	10.2
4. Taman Tasik Taiping disenaraikan dalam 100 Destinasi Lestari @ Hijau terbaik di dunia pada tahun 2018 oleh Green Destination Award. Taman Tasik Taiping ini juga telah dianugerahkan Best	240	96.8	8	3.2

City & Town Park 2018, Destinasi Pelancongan Warisan & Eko Terbaik oleh Malaysia Tourism Council Gold Award dan Green Initiative Award oleh Malaysia Landscape Architecture Award 2017.				
5. Taman Tasik Taiping diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara berdasarkan Akta 645 (Akta Warisan Kebangsaan) pada tahun 2019.	216	87.1	32	12.9

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual 4.2, analisi data untuk soalan pertama ialah Taman Tasik Taiping di Perak merupakan kawasan bekas lombong biji timah yang tertua di Malaysia dan merupakan taman awam yang pertama dalam sejarah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang berusia lebih dari 130 tahun, majoriti peratusan menyatakan jawapan ya sebanyak 231 orang responden (93.1%), manakala seramai 17 orang responden menyatakan tidak (6.9%).

Soalan kedua bagi bahagian B ialah Taman Tasik Taiping ini merupakan taman awam yang pertama ditubuhkan sewaktu pemerintahan *British*, ianya dibangunkan berdasarkan idea Colonel Robert Sandilands Frowd Walker pada tahun 1884 menyatakan seramai 215 (89.8%) responden menyatakan ya, manakala jumlah yang mengatakan tidak ialah 33 orang responden (13.3%).

Soalan ketiga dalam bahagian ini ialah taman tasik ini secara asalnya mengikut konsep “*Rolling Meadows*” iaitu bermaksud konsep yang

mengetengahkan kawasan hijau, lapang berkontur dan pokok-pokok besar, ia juga dikatakan menyamai *Kensington Park* iaitu taman awam yang tercantik di London pemilihan jawapan ya seramai 221 orang responden (89.8%), berbanding pemilihan jawapan tidak sebanyak 25 orang responden (16.2%).



Gambar 4.1: Suasana Hijau Dan Tenang Di Persekutaran Taman Tasik Taiping.

Sumber: Kosmo Digital, 2021

Soalan keempat ialah Taman Tasik Taiping disenaraikan dalam 100 Destinasi Lestari @ Hijau terbaik di dunia pada tahun 2018 oleh *Green Destination Award*. Taman Tasik Taiping ini juga telah dianugerahkan *Best City & Town Park* 2018, Destinasi Pelancongan Warisan & Eko Terbaik oleh *Malaysia Tourism Council Gold Award* dan *Green Initiative Award* oleh *Malaysia Landscape Architecture Award* 2017, menyatakan seramai 240 orang responden (96.8%) memilih ya dan seramai 8 orang responden (3.2%) memilih tidak.



Gambar 4.2: Keratan Akhbar Pengiktirafan Taman Tasik Taiping, Perak

Sumber: Sinar Harian 2018

Soalan kelima ialah Taman Tasik Taiping diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara berdasarkan Akta 645 (Akta Warisan Kebangsaan) pada tahun 2019, jawapan ya yang diterima untuk soalan ini ialah sebanyak 216 orang responden (87.1%), berbanding pilihan jawapan tidak mendapat jumlah yang sedikit iaitu sebanyak 32 orang responden (12.9%).

Kesimpulan dari analisis data bahagian ini majoriti pemilihan setiap jawapan adalah ya. Jawapan untuk tidak pada setiap bahagian tidak melebihi daripada 50 orang responden. Soalan-soalan yang diberikan diatas merupakan fakta-fakta yang berkenaan dengan Taman Tasik Taiping, pemilihan jawapan yang diberikan oleh komuniti dapat disimpulkan bahawa sesetengah komuniti masih tidak mengetahui sejarah dan pencapaian yang diterima di tapak warisan tersebut.

Oleh itu, sebagai satu komuniti kita mestalah mempelajari dan mengambil tahu berkenaan peristiwa atau sejarah yang wujud dikawasan tempat tinggal dan perkembangan taman tasik ini.

#### **4.2.3 Potensi Taman Tasik Taiping Perak Sebagai Tapak Warisan**

##### **Semulajadi Di Malaysia.**

Bahagian C ini mempunyai lima soalan yang perlu dijawab oleh responden, pemilihan jawapan ialah ya dan tidak. Soalan yang diberikan berkenaan dengan potensi taman tasik ini sebagai Tapak Warisan Semulajadi di Malaysia. Jawapan yang diberikan seramai 248 orang responden ini mempengaruhi kepentingan tapak ini untuk diangkat sebagai warisan negara.

Jadual 4.3: Potensi Taman Tasik Taiping Perak Sebagai Tapak Warisan Semulajadi Di Malaysia.

PERKARA/SOALAN	YA		TIDAK	
	(N)	(%)	(N)	(%)
1. Persekitaran Taman Tasik Taiping yang mengetengahkan konsep alam semulajadi ini wajar diiktiraf sebagai tapak warisan semulajadi di Malaysia dan dunia.	233	94	15	6
2. Pada tahun 2021, burung Hud-Hud memilih Taman Tasik Taiping sebagai destinasi persinggahan dalam proses pembiakan burung tersebut, ia menjadikan kawasan taman tasik ini merupakan alam semulajadi yang sesuai sebagai	212	85.5	36	14.5

persinggahan haiwan yang unik kerana persekitaran yang segar dan tenang				
3. Taman Tasik Taiping ini memberi manfaat terhadap ekosistem dan ekologikal di kawasan sekitar yang mengetengahkan kehidupan hijau atau alam semulajadi	233	94	15	6
4. Taman tasik ini terdiri terdapat 2,500 jenis batang pokok yang terdiri daripada 75 spesis eksotik seperti teratai putih, pokok seroja, pokok tembusu, pokok hujan-hujan, pokok brazil nut, Jacaranda Filicifolia dan pelbagai jenis spesis tanaman tempatan. Kepelbagaianan tanaman hijau ini menjadikan taman tasik ini unik dengan mengetengahkan elemen tapak warisan alam semulajadi yang mampu bertahan sehingga harini.	226	91.1	22	8.9
5. Pokok hujan-hujan atau nama saintifiknya Samanea Saman yang terdapat di taman tasik ini dapat dilihat di laluan <i>Raintree Walk</i> yang menjadi ikon bagi bandar Taiping kerana telah bertahan lebih dari 130 tahun.	230	92.7	18	7.3

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual 4.3, analisis data bagi soalan pertama bahagian ini berkenaan dengan persekitaran Taman Tasik Taiping yang mengetengahkan konsep alam

semulajadi ini wajar diiktiraf sebagai tapak warisan semulajadi di Malaysia dan dunia, seramai 233 orang responden (94%) memilih jawapan ya, manakala jawapan tidak seramai 15 orang responden (6%). Soalan kedua dalam bahagian ini menyatakan pada tahun 2021, burung Hud-Hud memilih Taman Tasik Taiping sebagai destinasi persinggahan dalam proses pembiakan burung tersebut, ia menjadikan kawasan taman tasik ini merupakan alam semulajadi yang sesuai sebagai persinggahan haiwan yang unik kerana persekitaran yang segar dan tenang, majoriti responden iaitu sebanyak 212 orang (85.5%) menyatakan ya dan seramai 36 orang responden (14%) menyatakan tidak berkenaan persinggahan burung hud-hud ini.



Gambar 4.3: Pasangan burung jantan dan betina spesies itu mula dikesan membuat sarang di Pokok Jemerlang –Gambar/Facebook Jamil Mat Isa

Sumber: Astro Awani Bernama, 2021

Soalan ketiga ialah Taman Tasik Taiping ini memberi manfaat terhadap ekosistem dan ekologikal di kawasan sekitar yang mengetengahkan kehidupan hijau atau alam semulajadi, seramai 233 orang responden (94%) menyatakan ya dan seramai 15 orang responden menyatakan tidak. Perkara keempat dalam bahagian ini terdapat seramai 226 orang responden (91.1%) memilih ya dan 15 orang responden (6%) menyatakan tidak bagi soalan taman tasik ini terdiri terdapat 2,500 jenis batang pokok yang terdiri daripada 75 spesis eksotik seperti teratai putih, pokok seroja, pokok tembusu, pokok hujan-hujan, pokok *brazil nut*, *Jacaranda Filicifolia* dan pelbagai jenis spesis tanaman tempatan. Kepelbagaian tanaman hijau ini menjadikan taman tasik ini unik dengan mengetengahkan elemen tapak warisan alam semulajadi yang mampu bertahan sehingga harini.



Gambar 4.4: Spesis Tumbuh-Tumbuhan Di Sekitar Kawasan Taman Tasik Taiping

Sumber: Internet

Perkara kelima ialah berkenaan soalan pokok hujan-hujan atau nama saintifiknya *Samanea Saman* yang terdapat di taman tasik ini dapat dilihat di laluan *Raintree Walk* yang menjadi ikon bagi bandar Taiping kerana telah bertahan lebih dari 130 tahun ini. Hasil analisis data telah mendapat sebanyak 230 orang responden (92.7%) mengatakan ya, manakala seramai 18 orang responden (7.3%) menyatakan tidak.



Gambar 4.5: Pokok Hujan-Hujan Melebihi Usia 130 Tahun.

Sumber: Sinar Harian 2021



Gambar 4.6: Persekutaran *Raintree Walk*

Sumber: Sinar Harian 2021

Kesimpulannya, perkara yang dinyatakan diatas merupakan potensi yang terdapat di Taman Tasik Taiping. Sekiranya tapak warisan ini dipelihara ia dapat memanjangkan lagi janga hayat flora dan fauna dikawasan tersebut. Potensi ini memberi peluang yang besar dalam mengangkat taman tasik ini sebagai kawasan semulajadi yang indah dan mempersonakan bagi bandar Taiping. Oleh itu, potensi ini dapat diketengahkan sebagai peluang dalam mengiktiraf taman tasik ini ke peringkat antarabangsa.

#### **4.2.4 Kepentingan Penglibatan Komuniti Setempat Terhadap Taman Tasik Taiping, Perak.**

Analisis data pada bahagian ini menggunakan kaedah skala likert, skala likert ini terbahagi kepada lima tahap yang mempunyai turutan yang dapat dipilih oleh responden. Tahap pertama skala likert ini ialah sangat tidak setuju, tahap kedua ialah tidak setuju, tahap ketiga ialah agak setuju, tahap keempat ialah setuju dan tahap kelima ialah sangat setuju. Setiap tahap bermula dengan tahap yang tidak dipersetujui sehingga dipersetujui oleh responden berkenaan pandangan yang

diberikan. Analisis ini dapat melihat penglibatan komuniti terhadap kepentingan pemuliharaan tapak warisan iaitu Taman Tasik Taiping.

Jadual 4.4: Kepentingan Penglibatan Komuniti Setempat Terhadap Taman Tasik Taiping, Perak.

PERKARA/SOALAN	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Agak Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
Kekerapan (N)										
Peratus (%)										
1. Sekiranya pihak berkepentingan melibatkan komuniti setempat dalam pemuliharaan tapak warisan ianya dapat mencapai objektif dalam memanjangkan lagi jangka hayat tapak warisan tersebut	1	0.4	2	0.8	12	4.8	60	24.2	173	69.8
2. Taman Tasik Taiping ini merupakan kawasan rekreasi utama dalam melakukan pelbagai aktiviti. Oleh itu, setiap komuniti memainkan peranan dalam memastikan kebersihan di	2	0.8	5	2	12	4.8	54	21.8	175	70.6

kawasan sekitar supaya dapat dijaga dengan baik.											
3. Kebersihan dan keselamatan di tapak warisan ini merupakan tanggungjawab komuniti setempat ia dapat mewujudkan psikologi yang positif terhadap komuniti sekitar.	2	0.8	2	0.8	11	4.4	49	19.8	184	74.2	
4. Isu vandalisme dapat dihapuskan sekiranya komuniti setempat bersatu dalam menangani isu ini dengan melaporkan kepada pihak atasan. Hal ini supaya taman tasik tidak dicemari dengan kerosakan dan contengan yang memburukan imej Taman Tasik Taiping.	2	0.8	4	1.6	14	5.6	54	21.9	174	70.2	

5. Penglibatan Badan Bukan kerajaan atau NGO juga penting dalam menjaga keindahan Taman Tasik Taiping ini kerana dapat membantu Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dalam mengekalkan kelestarian taman tasik tersebut. Gabungan dua pihak ini dapat menjayakan aktiviti atau program berkaitan komuniti di taman tasik.	5	2	5	2	8	3.2	50	20.2	180	72.6
---	---	---	---	---	---	-----	----	------	-----	------

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Perkara pertama dalam soalan ini berkaitan sekiranya pihak berkepentingan melibatkan komuniti setempat dalam pemuliharaan tapak warisan ianya dapat mencapai objektif dalam memanjangkan lagi jangka hayat tapak warisan tersebut, seramai 1 orang responden (0.4%) memilih sangat tidak setuju, 2 orang responden (0.8%) memilih tidak setuju, 12 orang responden (4.8%) memilih agak setuju, 60 orang responden (24.4%) memilih setuju dan tahap yang paling banyak dipilih oleh responden ialah sangat setuju iaitu sebanyak 173 orang responden (69.8%).

Seterusnya, soalan kedua ialah Taman Tasik Taiping ini merupakan kawasan rekreasi utama dalam melakukan pelbagai aktiviti. Oleh itu, setiap komuniti memainkan peranan dalam memastikan kebersihan di kawasan sekitar supaya dapat dijaga dengan baik, pemilihan skala menunjukkan majoriti

responden memilih sangat setuju iaitu sebanyak 175 orang responden (70.6%), tempat kedua ialah agak setuju dengan jumlah seramai 54 orang responden (21.8%), ketiga ialah agak setuju seramai 12 orang responden (4.8%), keempat ialah 5 orang responden (2%) dan terakhir sekali ialah jumlah yang kurang dipilih oleh responden iaitu sebanyak 2 orang responden (0.8%).

Soalan ketiga ialah kebersihan dan keselamatan di tapak warisan ini merupakan tanggungjawab komuniti setempat ia dapat mewujudkan psikologi yang positif terhadap komuniti sekitar menunjukkan seramai 184 orang responden (74.2%) memilih sangat setuju, seramai 49 orang responden (19.8%) memilih setuju, pemilihan agak setuju mendapat seramai 11 orang responden (4.4%), manakala untuk tidak setuju dan sangat tidak setuju masing-masing sebanyak 2 orang responden (0.8%).



Gambar 4.7: Aktiviti Gotong Royong

Sumber: Laman Facebook Rasmi MPT

## KELANTAN

Soalan keempat pada bahagian ini ialah isu vandalisme dapat dihapuskan sekiranya komuniti setempat bersatu dalam menangani isu ini dengan melaporkan

kepada pihak atasan. Hal ini supaya taman tasik tidak dicemari dengan kerosakan dan contengan yang memburukan imej Taman Tasik Taiping. Hasil analisis ini mendapati seramai 174 orang responden (70.2%) memilih sangat setuju, pemilihan setuju mendapat seramai 54 orang responden (21.9%), agak setuju sebanyak 14 orang responden (5.6%), tidak setuju seramai 4 orang responden (1.6%) dan seramai 2 orang responden (0.8%) memilih sangat tidak setuju.



Gambar 4.8: Diatas Adalah Contoh Isu Vandalsme Yang Merosakkan

Pokok Dikawasan Taman Tasik

Sumber: Laman *Facebook Rasmi MPT*

Perkara kelima dalam analisis data bagi soalan ini ialah berkaitan dengan penglibatan Badan Bukan kerajaan atau NGO juga penting dalam menjaga keindahan Taman Tasik Taiping ini kerana dapat membantu Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dalam mengekalkan kelestarian taman tasik tersebut. Gabungan dua pihak ini dapat menjayakan aktiviti atau program berkaitan komuniti di taman tasik ini. Oleh itu, hasil analisis ini majoritinya memilih sangat setuju iaitu 180

orang responden (72.6%), kedua ialah 50 orang responden (20.2%) memilih setuju, pemilihan setuju sebanyak 8 orang responden (3.2%), manakala pemilihan tidak setuju dan sangat tidak setuju ini masing-masing seramai 5 orang responden (2%).



Gambar 4.9: Poster Aktiviti Gotong Royong Merdeka Di Taman Tasik  
Taiping

Sumber: Laman *Facebook Rasmi MPT*

Kesimpulannya, penglibatan komuniti ini mendapat sokongan atau majoritinya memilih sangat setuju setiap lima soalan yang diberikan. Hal ini dapat melihat kerjasama antara komuniti akan menghasilkan satu komuniti yang positif terhadap persekitaran di tapak warisan tersebut, ia juga dapat mempengaruhi penglibatan komuniti disekitar terhadap aktiviti yang dijalankan. Penglibatan komuniti sangat penting dalam memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan Taman Tasik Taiping ini dapat dikekalkan. Oleh itu, sebagai komuniti

haruslah menjalankan tanggungjawab dengan amanah supaya keselamatan dan keindahan taman tasik ini dapat dijaga.

#### **4.3 PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM PEMULIHARAAN**

##### **TAPAK WARISAN DI TAIPING, PERAK**

Teori Ekologi Kelly (1968) memberi tumpuan seseorang individu atau komuniti ini dapat menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial yang berbeza. Teori ini telah digunakan oleh ahli psikologi komuniti untuk memahami tingkah laku dalam interaksi dengan konteks sosial dan budaya (Tiffany 2013). Dalam kajian ini telah melibatkan komuniti setempat seramai 248 komuniti yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Penerimaan setiap individu ini majoritinya telah menyesuaikan diri terhadap persekitaran di Taman Tasik Taiping.

Empat prinsip yang diketengahkan dalam teori ini iaitu saling bergantung “*interdependence*”, penyesuaian “*adaptation*”, kitaran semula sumber “*cycling of resources*” dan kejayaan “*succession*”. Prinsip yang dinyatakan dalam teori ini melihat penglibatan komuniti terhadap persekitaran. Teori ini digunakan dalam menganalisis hasil dapatan kajian yang melibatkan komuniti.

Prinsip yang pertama iaitu berkaitan saling bergantung, melibatkan komuniti ini merangkumi pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India dan Lain-lain. Setiap bangsa yang terlibat terdiri daripada masyarakat awam dan pekerjaan seperti pekerja kerajaan, swasta, pelajar, tidak berkerja dan bekerja sendiri yang juga merupakan komuniti penting dalam menjawab soal selidik yang diedarkan. Soal selidik ini menerima maklum balas yang sangat baik kerana setiap bahagian soal selidik majoritinya mendapat penerimaan responden. Prinsip kedua ialah penyesuaian iaitu satu proses perubahan dalam menyesuaikan diri di dalam sesuatu pesekitaran (Tiffeny R Jimenez 2013). Analisis dapatan kajian berkenaan

prinsip kedua ini dapat dilihat pada soal selidik Jadual 3 pada Bahagian C berkenaan perubahan persekitaran yang melibatkan ekologikal dan ekosistem yang mempengaruhi komuniti dalam memelihara alam sekitar. Komuniti setempat menyesuaikan diri dengan keadaan tapak warisan yang juga menjadi persinggahan haiwan yang unik iaitu Burung Hud-Hud ini merupakan langkah yang positif dalam pemuliharaan Taman Tasik Taiping. Berdasarkan pengumpulan data dapat dikaitkan dengan teori ini ialah setiap komuniti mengambil berat akan komuniti sekitar dan persekitaran di Taman Tasik Taiping.

Prinsip ketiga ialah kitaran semula sumber ialah satu proses yang melibatkan kecekapan komuniti untuk menerima persekitaran. Hasil dapatan kajian yang dapat dikaitkan dengan prinsip ketiga ialah penglibatan komuniti ini penting terhadap sesuatu kawasan. Sebagai contoh, hasil analisis soal selidik ini dapat melihat komuniti setempat menerima proses perubahan taman tasik ini dari tapak perlombongan menjadi tasik buatan manusia yang sangat indah yang bertahan sehingga harini. Prinsip yang terakhir iaitu keempat ialah kejayaan, analisis yang dapat disimpulkan dalam pengumpulan data soal selidik ini dapat dilihat penglibatan komuniti setempat di Taman Tasik Taiping telah menerima maklum balas yang positif dimana seramai 248 orang responden telah terlibat dalam menjawab soal selidik yang diedarkan dan juga hasil dapatan kajian ini telah mengenalpasti penglibatan komuniti setempat di Taiping sangat memuaskan


Kesimpulanya, analisis yang dibuat ini melibatkan empat prinsip yang dinyatakan dalam Teori Ekologikal Kelly (1968) ini telah melihat kepentingan penglibatan komuniti setempat di sesebuah kawasan atau tempat. Penerimaan psikologi komuniti yang positif akan memastikan kawasan persekitaran yang baik. Tambahan lagi, pelbagai langkah dan penglibatan komuniti yang telah dijalankan pihak kepentingan di kawasan taiping iaitu MPT untuk memastikan tapak warisan dapat dikekalkan dan dijaga kebersihannya oleh komuniti setempat

**Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di  
Taiping, Perak**

**Teori Ekologikal Kelly (1968) (Psikologi Komuniti)**

**Teori ini menyatakan empat prinsip yang melibatkan komuniti setempat.**

- i. Saling Bergantung “*Interdependence*”
- ii. Penyesuaian “*adaptation*”
- iii. Kitaran Semula Sumber “*Cycling Of Resources*”
- iv. Kejayaan “*Succession*”



Rajah 4.1: Kerangka Teoritikal kajian

#### 4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, seramai 248 orang responden daripada kalangan komuniti Taiping ini dipilih dalam kajian Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di Taiping, Perak. Hasil dapatan kajian melalui soal selidik yang dianalisis menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan am berkenaan tapak warisan ini dan juga mengetahui pentingnya penglibatan komuniti setempat.

Penerimaan responden terhadap penglibatan komuniti adalah ditahap yang memuaskan kerana respon yang diberi majoritinya mendapat tahap yang baik dan juga soalan pada bahagian skala likert iaitu bahagian D mendapat peratusan dan jumlah yang banyak pada bahagian sangat setuju. Soalan-soalan yang dinyatakan diatas iaitu pada bahagian B dan bahagian C merupakan soalan berkenaan fakta-fakta yang terdapat di taman tasik, dapat dilihat penguasaan dan pemilihan dari responden sangat memuaskan. Penglibatan komuniti ini dapat membangunkan kawasan rekreasi yang selamat dikunjungi dan kesan positif terhadap kawasan sekitar.

Teori Ekologikal Kelly (1968) yang digunakan dalam mengenalpasti penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan tapak warisan di Taiping, Perak ini mendapat maklum balas yang sangat baik. Penglibatan komuniti telah banyak membantu dalam mengumpul maklumat yang diperlukan. Oleh itu, dapat dilihat bahawa penglibatan komuniti setempat di Taiping telah mewujudkan persekitaran yang positif terhadap individu dan juga alam sekitar. Pemuliharan tapak warisan ini penting melibatkan komuniti supaya tapak warisan itu dapat dipelihara dan bertahan lama pada masa akan datang. Komuniti setempat juga penting dalam memastikan kebersihan sekitar supaya dapat membina pskologi yang positif terhadap komuniti tempatan, komuniti luar atau pelancong.

## BAB 5

### RUMUSAN DAN PENUTUP

#### 5.1 RUMUSAN KAJIAN

Rumusan untuk bab pertama iaitu pengenalan ialah berkenaan definisi dan maksud warisan yang terbahagi kepada beberapa kategori iaitu warisan ketara dan tidak ketara. Dalam bahagian pengenalan juga menerangkan tentang tapak warisan yang dipilih dalam kajian ini iaitu Taman Tasik Taiping berkenaan dengan sejarah pembentukan, keunikan, pemuliharaan dan juga pengiktirafan yang diterima. Dalam bab pertama juga menyatakan tentang permasalahan kajian iaitu berkaitan dengan isu vandalism yang menyebabkan kerosakan di kawasan Taman Tasik Taiping. Seterusnya, bab pertama ini juga menyatakan tentang persolan kajian yang terbahagi kepada tiga iaitu berkenaan dengan faktor pembentukan, keadaan terkini taman tasik taiping dan juga berkenaan dengan penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan taman tasik. Terdapat tiga objektif kajian yang dinyatakan didalam bab ini iaitu berkenaan dengan meneroka sejarah pembentukan taman tasik, menghuraikan penglibatan komuniti setempat dan menganalisis potensi taman tasik sebagai salah satu tapak warisan alam semulajadi di Malaysia. Selain itu, bab ini juga menyatakan tentang definisi operasional iaitu merupakan maksud atau istilah yang tersirat dalam kajian atau kata kunci utama yang digunakan dalam tajuk. Definisi operasional ini terbahagi kepada tiga iaitu komuniti setempat, pemuliharaan dan tapak warisan. ketiga-tiga perkataan ini merupakan kata kunci utama dalam kajian ini. Terdapat dua kepentingan kajian yang pertama ialah memupuk kesedaran penglibatan komuniti setempat dan jangka hayat khazanah warisan bertahan lama. Bab pertama ini lebih menekankan tentang sejarah dan fokus utama yang perlu dikaji dalam bab seterusnya kerana bab pertama merupakan bab yang penting sebelum memulakan kajian.

Rumusan kajian untuk bab kedua berkenaan dengan kajian literatur, yang terdiri daripada Teori Ekologikal Kelly (1968), sorotan kajian dan kerangka teoritikal. Teori Ekologikal Kelly (1968) ini dipilih dalam kajian kerana teori ini merupakan satu teori berkaitan dengan komuniti dan bahagian ini menceritakan tentang latar belakang pencipta teori ini iaitu James Gordon Kelly, tentang penggunaan teori ini dalam kajian yang dilakukan beliau di kawasan perumahan tempat tinggal beliau berkenaan dengan komuniti sekitar di kawasan tersebut. Sorotan kajian dalam bahagian ini pengkaji mencari dan mengulas bahan bacaan yang terdiri daripada artikel dan jurnal yang diterbitkan oleh pengkaji yang lain. Bahan bacaan yang terlibat haruslah menggunakan kata kunci atau definisi operasional yang terdiri daripada tiga perkataan yang terdapat dalam bab pertama. Berkenaan dengan komuniti setempat telah dipilih sebanyak tujuh artikel, tujuh artikel atau jurnal juga telah dipilih dalam kata kunci pemuliharaan dan sebanyak enam artikel dipilih berkenaan kata kunci tapak warisan. Kerangka teoritikal merupakan jalur yang akan diikuti dalam kajian, kerangka teoritikal ini dapat dilihat dari penggunaan teori sehingga pencapaian objektif dalam kajian dapat dilaksanakan. Kepentingan kerangka teoritikal ini penting dalam memastikan susunan kerja dalam sesebuah kajian. Oleh itu, bab ini merupakan bab yang membantu pengkaji dalam meneliti kajian yang lepas untuk melakukan penambahbaikan pada kajian yang akan dilakukan.

Bab ketiga merupakan bab berkenaan metodologi kajian yang menerangkan tentang proses pengumpulan data berkenaan data sekunder dan primer. Data sekunder merupakan data yang diperolehi melalui laman sesawang atau internet, jurnal, artikel, dan akhbar. Manakala, sumber primer ialah melalui borang soal selidik dan temubual dalam kajian yang dijalankan ini menggunakan data sekunder dan primer. Tambahan lagi penggunaan kaedah kuantitatif iaitu borang soal selidik merupakan medium yang utama dalam menggumpulkan maklumat yang akan diedarkan kepada komuniti setempat di Taman Tasik Taiping, Perak.

Proses analisis data kuantitatif ini melalui statik deskriptif manakala jenis soalan yang terdapat dalam soal selidik ialah soalan berbentuk tertutup iaitu pilihan jawapan diberikan pengkaji dan juga soalan berbentuk *skala likert*. Persampelan secara rawak ini merupakan satu kaedah yang digunakan dalam kuantitatif iaitu penglibatan responden dipilih secara rawak mudah dan juga pada bab ni menilai jumlah reposden mengikut formula saiz sampel Krejcie Morgan (1970). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian tujuannya itu untuk mempertahankan kejituuan kajian dalam berlakunya sebarang kecacatan. Oleh itu, bab ketiga ini lebih menerangkan tentang kaedah dalam menggumpul maklumat dan pengumpulan data yang berkaitan dengan kajian. Kaedah sumber primer dan sekunder amat penting dalam sesuatu kajian, penggunaanya dapat memudahkan pengkaji dalam menganalisis data yang akan dikumpul. Justeru itu, pengkaji haruslah menilai penggunaan kaedah yang bersesuaian yang dapat digunakan dalam kajian.

Bab keempat merupakan bab dapatan kajian, bab ini menyatakan tentang analisis data yang didapati melalui borang soal selidik yang diagihkan kepada responden komuniti setempat Taman Tasik Taiping. Borang soal selidik ini diagihkan melalui *Google Form* dan diedarkan melalui *Whatsapp*, *Instagram*, *Telegram*, dan *Facebook* yang berkaitan dengan komuniti setempat sahaja. Melalui persampelan secara rawak dan saiz formula persempelan seramai 384 orang responden dipilih namun hanya terdapat 248 responden yang terlibat. Namun, penglibatan komuniti ini amat baik dan memberi kerjasama kerana jumlah yang diterima melebihi separuh jumlah responden yang diperlukan. Dalam bab ini menerangkan peratusan dan bilangan pemilihan jawapan yang diberikan responden mengikut nilai peratusan dan jumlah responden. Dalam bab ini menganalisis dapatan kajian yang diperolehi hasil maklum balas responden. Borang soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D setiap bahagian mengandungi lima soalan yang berkaitan dengan taman tasik. Pada bahagian A melibatkan

demografi responden, bahagian B ialah pengetahuan am sejarah Taman Tasik Taiping, Perak, bahagian C ialah potensi Taman Tasik Taiping Perak sebagai tapak warisan semulajadi di Malaysia dan bahagian D ialah kepentingan penglibatan komuniti setempat terhadap Taman Tasik Taiping, Perak. Seterusnya, menganalisis penglibatan komuniti setempat menggunakan kaedah Teori Ekologikal Kelly (1968) yang menggunakan kerangka teori yang dihasilkan melalui bab ketiga, dalam bahagian ini akan meninjau pencapaian objektif yang diterima dalam hasil kajian. Objektif dalam kajian ini dapat dicapai kerana penglibatan komuniti setempat memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang proses pengumpulan data. Bab empat ini dapat dijayakan dengan baik kerana mencapai objektif yang dikehendaki dalam kajian.

Bab terakhir dalam projek penyelidikan berkaitan dengan kajian ini merupakan bab yang kelima. Bab kelima ini bertujuan untuk merumuskan hasil kajian pada setiap bab yang dijalankan. Rumusan ini dilakukan dengan ringkas dan padat. Munnir Anwar (2013) menyatakan rumusan kajian ini merumuskan dengan menulis kata kunci terpenting dari dapatan kajian dan menyatakan tentang pentingnya hasil kajian kepada kepenggunaan komuniti. Hasil dari rumusan kajian ini dapat melihat kepentingan dan perbezaan setiap bab yang dinyatakan. Dalam bab ini juga mempunyai penutup bagi kajian

## 5.2 PENUTUP

Secara keseluruhannya, tapak warisan Taman Tasik Taiping merupakan identiti bagi penduduk komuniti setempat. Faktor sejarah dan keindahan alam semulajadi yang wujud merupakan keunikan yang menjadi lambang di bandar Taiping itu sendiri. Kawasan tapak warisan Taman Tasik Taiping yang indah dengan kehijauan flora dan fauna ini telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan. Oleh itu, wajarlah tapak warisan ini dijaga dan dipulihara supaya kelestarian kawasan ini dapat bertahan lebih lama. Penglibatan komuniti merupakan pihak yang penting dalam mengekalkan pemuliharaan tapak warisan

ini. Hal ini kerana komuniti merupakan medium yang penting dalam memastikan kelestarian Taman Tasik Taiping ini dijaga.

Selain itu, kajian ini dikaji berdasarkan Teori Ekologikal Kelly (1968) bagi melihat sejauhmanakah penglibatan komuniti setempat terhadap pemuliharaan tapak warisan Taman Tasik Taiping, Perak. Kajian ini telah melibatkan seramai 248 orang responden yang terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan, tahap umur yang berbeza dan latar belakang yang berbeza. Komuniti setempat memberikan maklum balas yang baik sepanjang tempoh pengumpulan data dijalankan. Kajian yang dijalankan diterima oleh komuniti dan juga telah memberi kesan positif sepanjang kajian dijalankan.

Seterusnya, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat sejauhmanakah pengetahuan dan kesedaran kepada komuniti berkenaan tapak warisan ini. Melalui soal selidik yang dijalankan mengetahui tahap pengetahuan sejarah tentang taman tasik ini dapat dilihat majoritinya mengetahui sejarah pembentukan tapak warisan ini. Hal ini dapat dilihat bahawa komuniti setempat amat mengambil berat tentang tapak warisan yang merupakan lambang identiti bagi komuniti setempat. Pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT) juga telah memainkan peranan dalam meningkatkan pengetahuan sejarah penduduk dengan meletakkan papan tanda yang dipenuhi dengan maklumat sejarah Taman Tasik Taiping, Perak. Komuniti setempat juga menyedari untuk memelihara dan pulihara tapak warisan. Oleh itu, pengetahuan dan kesedaran komuniti dalam pemuliharaan tapak warisan sangat baik kerana majoritinya mengetahui sejarah dan menjaga kawasan Taman Tasik Taiping ini.

## RUJUKAN

- Abdillah. (2021). *Apa itu jurnal*. Diambil Daripada <https://rumusrumus.com/apa-itu-jurnal/>
- Abdullah, F., Jusoh, A., Nayan, N., & Ramli, Z. (2016). *Arkeopelancongan Di Lembah Bujang: Isu, Dilema Dan Cabaran*. Jurnal Arkeologi Malaysia, 29(2). Diambil Daripada <http://journalarticle.ukm.my/13468/1/167-243-1-PB.pdf>
- Adibah U,. (2019). *Teknik Pengumpulan Data*. Pascasiswazah. Diambil Daripada <https://www.pascasiswazah.com/teknik-pengumpulan-data/>
- Adnan, N., & Mamat, M. P. (2018). *Impak Dan Persepsi Ekopelancongan Terhadap Komuniti Setempat Di Lumut, Perak*. Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi W Wilayah Utara ke-3. Diambil Daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/162035117.pdf>
- AK, A., & HF, L. (2018). *Tahap Penglibatan Komuniti Kejiranan FRIM Dalam Program Pemuliharaan FRIM Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO*. Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3. Diambil Daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/77618/1/AbdulRasidAbdulPFAB2014.pdf>
- Aniza Zainudin (2019). *Keindahan Taman Tasik Taiping*. Petikan Akhbar Harian Metro. Diambil Daripada <https://www.hmetro.com.my/santai/2019/01/408463/keindahan-taman-tasik-taiping>
- Asalal., Zakaria, & Abd Wahab. (2013). *Intervensi Kerja Sosial Sekolah Dalam Menangani Masalah Sosial Pelajar*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 38(1), 41-51. Diambil Daripada <http://www.ukm.my/jurfpPEND/jurnal38/4NURZAIMAH%20ASALAL.pdf>
- Azman, N., Komoo, I., Halim, S. A., & Amir, R. (2010). *Pendidikan Awam Untuk Pemuliharaan Warisan: Kajian Kes Langkawi Geopark*. Akademika, 80,85-94. Diambil Daripada <http://journalarticle.ukm.my/581/1/1.pdf>
- Blackstock, K. L., Kelly, G. J., & Horsey, B. L. (2007). *Developing And Applying A Framework To Evaluate Participatory Research For Sustainability*. Ecological Economics, 60(4), 726-742. Diambil Daripada [https://www.academia.edu/ownload/47494149/Developing\\_and\\_applying\\_a\\_framework\\_to\\_e201607232666-js7z2m.pdf](https://www.academia.edu/ownload/47494149/Developing_and_applying_a_framework_to_e201607232666-js7z2m.pdf)
- Daud, S. H. S., & bt Yusof, H. (2017). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Penyeliaan Berkesan*. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 5(3), 50-61. Diambil daripada [http://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:hsWPcukWjDgJ:scholar.google.com/+KESAHAN+DAN+KEBOLEHPERCA+YAAN+kuantita.tif&hl=en&as\\_sdt=0,5](http://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:hsWPcukWjDgJ:scholar.google.com/+KESAHAN+DAN+KEBOLEHPERCA+YAAN+kuantita.tif&hl=en&as_sdt=0,5)
- Fizawan Z., (2021). *Pendekatan Kuantitatif*. Universiti Sabah Malaysia. Diambil Daripada <https://www.academia.edu/12121040/kuantitatif>
- Harun, M. A. B. *Kesanggupan Pengunjung Membayar Untuk Aktiviti Dan Meyumbang Kepada Tabung Pemuliharaan Di Taman Negara Endau-Rompin*. Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia. Diambil Daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/1749/1/MohdAzamrulHarunMFAB2007.pdf>

- Harun, M. N. S., & Samsudin, M. (2019). Sejarah Bukit Puteri Sebagai Tapak Warisan Kebudayaan Semulajadi Di Negeri Terengganu. *Jurnal Peradaban*, 12, 103-118. Diambil Daripada <https://peradaban.um.edu.my/index.php/PERADABAN/article/download/16464/10911>
- Harun, S. N. (2011). Heritage Building Conservation In Malaysia: Experience And Challenges. *Procedia Engineering*, 20, 41-53. Diambil Daripada [https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877705811029468/pdf?m\\_d5=26527b494cd76ee3b5a1111f179aca84&pid=1-s2.0S1877705811029468main.pdf&\\_valck=1](https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877705811029468/pdf?m_d5=26527b494cd76ee3b5a1111f179aca84&pid=1-s2.0S1877705811029468main.pdf&_valck=1)
- Hashim, A., & Tamuri, A. H. (2012). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran Di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 1-10. Diambil Daripada <http://journalarticle.ukm.my/5990/1/43.pdf>
- Herlina, N. (2020). Metode Sejarah. Diambil Daripada [http://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:rW5mljHoUIwJ:scholar.google.com/+Jenis+sumber+primer&hl=en&as\\_sdt=0,5&as\\_vis=1](http://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:rW5mljHoUIwJ:scholar.google.com/+Jenis+sumber+primer&hl=en&as_sdt=0,5&as_vis=1)
- Hoe, K. C., & Abd Wahab, D. H. (2013) Hubungan Antara Angkubah Sosioekonomi Dan Penyertaan Komuniti Iban Dalam Program Pembangunan Diri. *Journal of Business and Social Development Volume 2( 1)*, 114-122. Diambil Daripada <https://ppimg.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2014/08/14.-Pengaruh-FFaktor.pdf>
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24. Diambil Daripada <http://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/8/8>
- Hussin, N. (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(2). Diambil Daripada <http://borneojournal.um.edu.my/index.php/OJIE/article/download/5534/3291>
- Ibrahim, Y. (2007). Komuniti Pulau Dalam Era Pembangunan: Terpinggir Atau Meminggir. *Akademika*, 70(2007), 57-76. Diambil Daripada [http://journalarticle.ukm.my/4300/1/akademika65\[02\].pdf](http://journalarticle.ukm.my/4300/1/akademika65[02].pdf)
- Ismail Roslan (2013). Maksud Ekologikal. *Scribd Geografi*. Diambil Daripada <https://www.scribd.com/doc/154263455/MAKSUD-EKOLOGI>
- Jabatan Perkhidmatan Awam. (2018). Panduan Peranan Ketua Jabatan Pegawai Pengelas Dan Pendaftaran Rahsia Dalam Menguruskan Dokumen Rahsia Rasmi Kerajaan. Diambil Daripada <https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/2018/APPR012018.pdf>
- Jasmi K., A., (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. Universiti Teknologi Malaysia. Diambil Daripada [https://www.researchgate.net/publication/293097563\\_Metodologi\\_Pengumpulan\\_Data\\_dalam\\_Penyelidikan\\_Kualitatif](https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif)
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri, 1(2012), 28-29. Diambil Daripada <https://www.researchgate.net/profile/KamarulAzmiJasmi/publication/29309756>

[3\\_Metodologi\\_Pengumpulan\\_Data\\_dalam\\_Penyelidikan\\_Kualitatitif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-Pengumpulan-Data-dalamPenyelidikanKualitatitif.pdf](https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0926401305000033)

- Jones, S. (2009). *Experiencing Authenticity At Heritage Sites: Some Implications For Heritage Management And Conservation*. Conservation and Management of Archaeological Sites, 11(2), 133-147. Diambil Daripada <http://www.storre.stir.ac.uk/bitstream/1893/25626/1/CMAS%20%20Jones%20Article%20-%20final%20submission.pdf>
- Kayat, K., & Mohd Nor, N. A. (2006). *Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay Di Kedah (Community Members Involvement In Community Development Programme: Homestay Programme In Kedah)*. Akademika, 67(1), 77-102. Diambil Daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/4283/1/akademika65%5B02%5D.pdf>
- Kelly, J. G. (1968). *Towards An Ecological Conception Of Preventive Interventions*. Universiti Michigan. Diambil Daripada <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED022220.pdf>
- Kelly, U. A. (2011). *Theories Of Intimate Partner Violence: From Blaming The Victim To Acting Against Injustice: Intersectionality As An Analytic Framework*. Advances in Nursing Science, 34(3), E29-E51. Diambil Daripada <https://www.researchgate.net/publication/51552535>
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2021). *Jenis Warisan*. Portal Rasmi Kerajaan. Diambil Daripada [https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=594:jeniswarisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en](https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594:jeniswarisan&catid=65:dokumen&Itemid=145&lang=en)
- Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2021). *Pengenalan Warisan*. Portal Rasmi Kerajaan. Diambil Daripada [https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=593:warisan&cati](https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=593:warisan&cati)
- Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia (2021). *Pemeliharaan Warisan (Arkib)*. Portal Rasmi Kerajaan. Diambil Daripada <https://www.kkmm.gov.my/en/public/news/65-bahankpkk/dokumen?start=90>
- Leman, M. S. (2010). *Pemuliharaan Geowarisan Di Langkawi Geopark, Malaysia*. Akademika, 80, 19-30. Diambil Daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/576/1/1.pdf>
- Leonard, A., Miller, S. A., Christopher, R., Gleason, K., & Franklin, R. (2016). *Theories In The Field Of Community Psychology*. Global Journal of Community Psychology Practice, 7(2). Diambil Daripada [https://www.gjcpp.org/pdfs/TheoryPaper\\_FormattedFinal.pdf](https://www.gjcpp.org/pdfs/TheoryPaper_FormattedFinal.pdf)
- Lesmono B., (2020). *Pengenalan Artikel*. Diambil Daripada <https://adoc.pub/bab-1-pengenalan-seterusnya-bab-ini-juga-membincangkan-tenta.html>
- Malang M., (2021). *Metode Pengumpulan Data Penelitian Kualitatif*. Diambil Daripada [http://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:BjezGgMWkmYJ:scholar.google.com/+pengumpulan+data&hl=en&as\\_sdt=0,5](http://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:BjezGgMWkmYJ:scholar.google.com/+pengumpulan+data&hl=en&as_sdt=0,5)

- Marni, N., Mohamed, A. K., Hashim, N., & Abu Nasir, R. (2004). *Amalan Bekerjasama Dalam Komuniti Setempat: Kepentingannya Menurut Perspektif Islam*. Universiti Teknologi Malaysia. Diambil Daripada <https://repo.uum.edu.my/1761/1/2.pdf>
- MartonoN., (2010). *Metode Penelitian Kuantitatif: Analisi Isi Dan Analisis Data Sekunder*. Perpustakaan Nasional: Katalog Dalam Terbitan Edisi Ke-2, 338 Halaman. Diambil Daripada [https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=tUl1BgAAQBAJ&3LswEGCO1wxcKtGy\\_lfViQQ1We4oi=fnd&pg=PT26&dq=maksud+data+sekunder&ots=Fen8Ly-\\_28&sig=#v=onepage&q&f=false](https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=tUl1BgAAQBAJ&3LswEGCO1wxcKtGy_lfViQQ1We4oi=fnd&pg=PT26&dq=maksud+data+sekunder&ots=Fen8Ly-_28&sig=#v=onepage&q&f=false)
- McKown, C. (2005). *Applying Ecological Theory To Advance The Science And Practice Of School-Based Prejudice Reduction Interventions*. Educational Psychologist, 40(3), 177-189. Diambil Daripada <https://www.researchgate.net/publication/247522716>
- Md Yusoff, Hamzah, M. I., & Surat, S. (2018). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Indeks Pemupukan Kreativiti Dalam Pengajaran Guru Dengan Elemen Islam (ICFTI) Berdasarkan Pendekatan Model Rasch*. Malaysian Journal of Education, 43(3). Diambil Daripada <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&profile=ehost&scope=site&authotype=crawler&jrnl=01266020&AN=134109650&h=fSmzMJkhtzXcE0Qt9e6COAYzuRegb%2BLNIMjRptFzaLYNokOY3CaCWqjeIytYhNq58%2FKEQ%2FS3LLEywIY%2BfA9Nw%3D%3D&crl=c>
- Mohamad Khalil, M., Zainol, A. S., & Harun, A. (2019). *Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Pelancongan Terhadap Sosio-Budaya: A'Famosa, Melaka*. Jurnal Inspirasi Seni Intelektual (ISI), 11-15. Diambil Daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30049/1/30049.pdf>
- Mohamad, A. L., & Ahmad, N. (2010). *Pemuliharaan Dan Kepelbagai Biologi Untuk Pembangunan Ekopelancongan Di Langkawi Geopark*. Akademika, 80, 39-54. Diambil Daripada <http://journalarticle.ukm.my/577/1/1.pdf>
- Mustafa<sup>1</sup>, S., Marzuki<sup>1</sup>, M., Ramli, R. S., Mapjabil, J., Zainal, M. K., & Abidin, M. P. (2015). *Pengurusan Bandar Warisan UNESCO Dan Penglibatan Komuniti Tempatan: Kajian Kes Di George Town, Pulau Pinang*. Malaysian Journal of Society and Space 11 issue 12 (87 - 99). Diambil Daripada <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/9.abstrak-geografia-si-nov15-solihah-edam1.pdf>
- Nailah Huda (2019). *UNESCO Iktiraf Silat Sebagai Warisan Budaya Milik Malaysia*. Petikan Akhbar Astro Awani. Diambil Daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/unesco-iktiraf-silat-sebagai-warisan-budaya-milik-malaysia-22516>
- Nashuriddin, N. A. (2012). *Mempromosikan Muzium Arkeologi Lenggong Sebagai Tapak Warisan Prasejarah*. Universiti Malaysia Sarawak. Diambil Daripada [https://ir.unimas.my/15817/1/Mempromosikan%20Muzium%20Arkeologi%20Lenggong%20sebagai%20tapak%20warisan%20prasejarah%20\(24%20pages\).pdf](https://ir.unimas.my/15817/1/Mempromosikan%20Muzium%20Arkeologi%20Lenggong%20sebagai%20tapak%20warisan%20prasejarah%20(24%20pages).pdf)
- Nordin, Norliza (2017) *Penilaian Harta Tanah Warisan (Kes Kajian – George Town)*. In: 2nd International Case Study Conference (ICSC 2017), Adya Hotel,

Langkawi Island, Kedah, Malaysia. Diambil Daripada <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/23406/>

Norhisham S., (2020). *Soal Selidik Dalam Penyelidikan*. Petua Pascasiswazah. Diambil Daripada <https://www.pascasiswazah.com/soal-selidik-dalam-penyelidikan/>

Nugroho T., F., (2021). *Pengertian Artikel, Ciri-Ciri, Tujuan, Manfaat, Kaedah Kebahasaan, Dan Strukturnya Yang Perlu Diketahui*. Diambil Daripada <https://www.bola.com/ragam/read/4501902/pengertian-artikel-ciri-ciri-tujuan-manfaat-kaedah-kebahasaan-dan-strukturnya-yang-perlu-diketahui>

Outhman Md., A., (2012). *Konsep Dan Kaedah Penyelidikan*. Universiti Sains Malaysia. Diambil daripada <https://www.slideshare.net/mdazree/konsep-kaedah-penyelidikan>

Paidi, Z., Ab Ghani, R., Abdul Hamid, A. S., Abdullah, S., & Rofie, M. K. (2014). *Indeks Konservasi Bangunan Bersejarah Dan Tapak Warisan Kebudayaan: Pendokumentasian Dan Pengkategorian Untuk Industri Pelancongan Warisan (Heritage Tourism) Di Negeri-Negeri Utara Semenanjung Malaysia*. Universiti Utara Malaysia. Diambil Daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/42981689.pdf>

Pingking, A., & Hussin, R. (2020). *Impak Penubuhan Imbak Canyon Conservation Area (Icca)Ke Atas Komuniti Setempat: Kajian Kes Di Kampung Imbak, Tongod, Sabah, Malaysia*. Journal of Borneo Social Transformation Studies, 289-308. Diambil Daripada <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jobsts/article/view/2815/1859>

Rajuddin, A. S., & Sidek, R. Z. S. (2009). *Pembinaan Prototaip Alat Penjimatan Tenaga Elektrik Bagi Kegunaan Domestik Dan Persepsi Pengguna Terhadap Penggunaannya*. Universiti Teknologi Malaysia. Diambil daripada <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwp/anissyahirahap050022d2009ttpp.pdf>

Ramli, Z. (2019). *Penemuan Terkini Tapak Prasejarah Di Lembangan Sungai Nenggiri*. Jurnal Arkeologi Malaysia, 32(1), 1-20. Diambil Daripada <http://journalarticle.ukm.my/14281/1/194-326-1-PB.pdf>

Razzaq, A. R. A. (2014). *Pengupayaan Komuniti dan Kelestarian Pembangunan Pelancongan di Miso Walai Homestay Kinabatangan, Sabah*. Universiti Teknologi Malaysia. Diambil Daripada [http://eprints.utm.my/id/eprint/77618/1/Abdul\\_Rasid\\_Abdul\\_PFAB2014.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/77618/1/Abdul_Rasid_Abdul_PFAB2014.pdf)

Roddin, R., Yusof, Y., Mukhtar, M. I., Awang, H., Bakar, F. D. A., & Hariri. (2019). *Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Budaya Komuniti Orang Asli Melalui Pelancongan Lestari*. Jurnal Dunia Pengurusan, 1(2), 8-16. Diambil Daripada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/download/6838/2780>

Rose, R. A. C., & Khalid, N. A. (2017). *Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga Dan Pelancong Tempatan*. Geografi, 5(3), 1-7. Diambil Daripada <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/download/2062/1496>

- Rusdin M., N., (2021). *Modul Persampelan Rawak*. Universiti Pendikan Sultan Idris. Diambil Daripada [https://www.academia.edu/33892012/Modul\\_Persampelan\\_Rawak](https://www.academia.edu/33892012/Modul_Persampelan_Rawak)
- Sabri M., H., M., (2021). *Penilaian Konsep Sumber Primer Di Dalam Buku Teks Sejarah Tingkatan Satu*. Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sarah S., (2015). *Metodologi Kajian*. Aplikasi Komputer Dalam Kajian Linguistik. Diambil Daripada <https://crazylinguists.wordpress.com/category/siti-sarah-a141264/bab-3-metodologi-kajian-sarah/>
- Speer, P. W., & Hughey, J. (1995). *Community Organizing: An Ecological Route To Empowerment And Power*. American journal of community psychology, 23(5), 729-748. Diambil Daripada [https://www.academia.edu/download/49844863/Community\\_organizing\\_An\\_ecological\\_route20161024-12793-1ndnzbm.pdf](https://www.academia.edu/download/49844863/Community_organizing_An_ecological_route20161024-12793-1ndnzbm.pdf)
- Suhaila Megat (2020). *Bukan Sahaja Indah, Taman Tasik Taiping Beri Manfaat Terhadap Ekosistem Dan Ekologikal*. Petikan Akhbar The Malaya Post. Diambil Daripada <https://www.themalayapost.my/bukan-sahaja-indah-taman-tasiktaiping-beri-manfaat-terhadap-ekosistem-dan-ekologikal/>
- The Seattle Times (2020). *James Gordon Kelly*. Diambil Daripada <https://www.legacy.com/us/obituaries/seattletimes/name/james-kellyobituary?pid=196279715>
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab Samad (2013). *Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Diambil Daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/11492461.pdf>
- Zuliskandar Ramli et al., (2015). *Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekutaran*. Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia. Diambil Daripada [https://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:yJ31v8Fnw7cJ:scholar.google.com/+Bandar+Georgetown+dan+Melaka+serta+tapak+ardeologi+ Lembah+Lenggong+sebagai+tapak+warisan+dunia+kategori+budaya+\(Zuliskandar+Ramli+2015\).+&hl=en&as\\_sdt=0,5](https://scholar.googleusercontent.com/scholar?q=cache:yJ31v8Fnw7cJ:scholar.google.com/+Bandar+Georgetown+dan+Melaka+serta+tapak+ardeologi+ Lembah+Lenggong+sebagai+tapak+warisan+dunia+kategori+budaya+(Zuliskandar+Ramli+2015).+&hl=en&as_sdt=0,5)
- Zuliskandar, R., Mazlin, M., Adnan, J., Yunus, S., & Muhammad Termiji Hasni & Ahmad Helmi, M. M. (2015). *Pelestarian Warisan Kebuda Yaan Dan Warisan Semula Jadi Di Lembah Kinta: Satu Kajian Awal*. In Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu, 25-26 November 2015, Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Syah, Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL), UKM, Langkawi, Kedah

**LAMPIRAN A****B0RANG SOAL SELIDIK****PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM PEMULIHARAAN TAPAK  
WARISAN DI TAIPING, PERAK**

Saya pelajar Universiti Malaysia Kelantan dalam jurusan Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Soal selidik yang dilakukan ini adalah untuk memenuhi Metodologi Kajian bagi kursus Projek Penyelidikan. Soal selidik ini bertujuan untuk mengkaji Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan di Taiping, Perak. Segala maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan hanya digunakan bagi kepentingan kajian sahaja.

**Bahagian A: Demografi**

Tandakan (/) dalam ruang di bawah

1) Jantina

- Lelaki
- Perempuan

2) Bangsa

- Melayu
- Cina
- India
- Lain-lain (sila nyatakan)

3) Umur

- 18 tahun kebawah
- 19-25 tahun

- 26-30 tahun
- 31 tahun keatas

3) Pekerjaan

- Kerajaan
- Swasta
- Pelajar
- Lain-lain (sila nyatakan)

4) Pendidikan

- PMR/SRP
- SPM
- STPM/Diploma/STAM
- Ijazah Sarjana Muda
- Phd/Master

**BAHAGIAN B: PENGETAHUAN AM SEJARAH TAMAN TASIK TAIPING,**

**PERAK.**

Tandakan (/) dalam ruang di bawah

PERKARA/SOALAN	YA	TIDAK
1.Taman Tasik Taiping di Perak merupakan kawasan bekas lombong biji timah yang tertua di Malaysia dan merupakan taman awam yang pertama dalam sejarah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang berusia lebih dari 130 tahun.		

2. Taman Tasik Taiping ini merupakan taman awam yang pertama ditubuhkan sewaktu pemerintahan British, ianya dibanggunkan berdasarkan idea Colonel Robert Sandilands Frowd Walker pada tahun 1884.		
3. Taman tasik ini secara asalnya mengikut konsep “Rolling Meadows” iaitu bermaksud konsep yang mengetengahkan kawasan hijau, lapang berkонтur dan pokok-pokok besar, ia juga dikatakan menyamai Kensington Park iaitu taman awam yang tercantik di London.		
4. Taman Tasik Taiping disenaraikan dalam 100 Destinasi Lestari @ Hijau terbaik di dunia pada tahun 2018 oleh Green Destination Award. Taman Tasik Taiping ini juga telah dianugerahkan Best City & Town Park 2018, Destinasi Pelancongan Warisan & Eko Terbaik oleh Malaysia Tourism Council Gold Award dan Green Initiative Award oleh Malaysia Landscape Architecture Award 2017.		.
5. Taman Tasik Taiping diiktiraf sebagai tapak warisan kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara berdasarkan Akta 645 (Akta Warisan Kebangsaan) pada tahun 2019.		

### BAHAGIAN C: POTENSI TAMAN TASIK TAIPING PERAK SEBAGAI TAPAK WARISAN SEMULAJADI DI MALAYSIA.

Tandakan (/) dalam ruang di bawah

PERKARA/SOALAN	YA	TIDAK
1. Persekutuan Taman Tasik Taiping yang mengetengahkan konsep alam semulajadi ini wajar diiktiraf sebagai tapak warisan semulajadi di Malaysia dan dunia.		

2. Pada tahun 2021, burung Hud-Hud memilih Taman Tasik Taiping sebagai destinasi persinggahan dalam proses pembiakan burung tersebut, ia menjadikan kawasan taman tasik ini merupakan alam semulajadi yang sesuai sebagai persinggahan haiwan yang unik kerana persekitaran yang segar dan tenang		
3. Taman Tasik Taiping ini memberi manfaat terhadap ekosistem dan ekologikal di kawasan sekitar yang mengetengahkan kehidupan hijau atau alam semulajadi		
4. Taman tasik ini terdiri terdapat 2,500 jenis batang pokok yang terdiri daripada 75 spesis eksotik seperti teratai putih, pokok seroja, pokok tembusu, pokok hujan-hujan, pokok brazil nut, Jacaranda Filicifolia dan pelbagai jenis spesis tanaman tempatan. Kepelbagaian tanaman hijau ini menjadikan taman tasik ini unik dengan mengetengahkan elemen tapak warisan alam semulajadi yang mampu bertahan sehingga harini.		
5. Pokok hujan-hujan atau nama saintifiknya Samanea Saman yang terdapat di taman tasik ini dapat dilihat di laluan <i>Raintree Walk</i> yang menjadi ikon bagi bandar Taiping kerana telah bertahan lebih dari 130 tahun.		

**BAHAGIAN D: KEPENTINGAN PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT  
TERHADAP TAMAN TASIK TAIPING, PERAK.**

Tandakan (/) dalam ruang di bawah

PERKARA/SOALAN	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1. Sekiranya pihak berkepentingan melibatkan komuniti setempat dalam pemuliharaan tapak warisan ianya dapat mencapai objektif dalam memanjangkan lagi jangka hayat tapak warisan tersebut					
2. Taman Tasik Taiping ini merupakan kawasan rekreasi utama dalam melakukan pelbagai aktiviti. Oleh itu, setiap komuniti memainkan peranan dalam memastikan kebersihan di kawasan sekitar supaya dapat dijaga dengan baik.					
3. Kebersihan dan keselamatan di tapak warisan ini merupakan tanggungjawab komuniti setempat ia dapat mewujudkan psikologi					

yang positif terhadap komuniti sekitar.					
4. Isu vandalisme dapat dihapuskan sekiranya komuniti setempat bersatu dalam menangani isu ini dengan melaporkan kepada pihak atasan. Hal ini supaya taman tasik tidak dicemari dengan kerosakan dan contengan yang memburukan imej Taman Tasik Taiping.					
5. Penglibatan Badan Bukan kerajaan atau NGO juga penting dalam menjaga keindahan Taman Tasik Taiping ini kerana dapat membantu Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dalam mengekalkan kelestarian taman tasik tersebut. Gabungan dua pihak ini dapat menjayakan aktiviti atau program berkaitan komuniti di taman tasik.					

**LAMPIRAN B**

Appendiks C



**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**BORANG PENYERAHAN NASKHAH LAPORAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR MUTAKHIR**

Kepada,

Dekan,  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan

**Penyerahan Naskah Mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir**

Saya, ..... SITI NUR 'ALIAH BINTI KAMARUL BAHRIN ..... No Matrik ..... C18A0419  
menyerahkan dua (2) naskah mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir bertajuk:

.....  
**PENGLIBATAN KOMUNITI SETEMPAT DALAM PEMULIHARAAN  
TAPAK WARISAN DI TAIPING, PERAK.**  
.....

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala pembetulan yang perlu telah dilakukan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh penyelia dan pemeriksa.

Sekian, terima kasih

*Nur'Aliah*

Tarikh : 25/2/2022

.....  
**Perakuan Penyelia**

Saya, ..... DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL ..... penyelia kepada pelajar di atas dengan ini memperakarkan maklumat yang dinyatakan oleh pelajar adalah benar dan menerima penyerahan tersebut bagi pihak fakulti.

Terima kasih

*Daeng Haliza*

Tarikh: 27022022